



Kementerian Belia dan Sukan  
Malaysia



Institut Penyelidikan  
Pembangunan Belia Malaysia

# Malaysian Journal of Youth Studies

VOLUME  
JILID **21**

ISSN 2180-1649

DEC  
DIS **2019**

## *Makalah/Articles*

- Penyerlahan Potensi Belia Melalui Pembangunan Belia Positif (8C) di Malaysia** 1-14  
Shahhanim Yahya, Zainah Shariff, Wan Suriani Wan Jamal, Mohd Rizal Mohd Sham & Rozahidah Roslee
- Belia dan Konstruksi Identiti dalam Talian** 15-28  
Jamilah Maliki, Normah Mustaffa & Mohd. Noor Shahizan Ali
- Pandangan Street Level Bureaucrat Tentang Penggunaan Budi Bicara dalam Penyaluran Khidmat Kepada Remaja** 29-41  
Noor Azizah Ahmad, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Noruzeyati Che Mohd Nasir, & Mariny Abdul Ghani



**Penasihat/Advisor**

YBhg. Prof. Emeritus Dr. Samsuddin A. Rahim  
Felo Pemikir  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

**Ketua Editor/Editor-in-Chief**

Dr. Vellapandian Ponnusamy  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

**Editor Eksekutif/Executive Editor**

Ts. Syariffanor Hisham - IYRES

**Sidang Editorial/Editorial Board**

Shahhanim Yahya - IYRES  
Shariffah Mamat - IYRES  
Mohd Rizal Mohd Sham - IYRES  
Norati'qah Talib - IYRES  
Nur Aqilah Syazwani Mohd Nor - IYRES

**Reviewer/Pewasit**

Prof. Emeritus Dr. Samsuddin A. Rahim (TAYLORS)  
Prof. Madya Dr. Sivapalan Selvadurai (UKM)  
Dr. Khadijah Alavi (UKM)



INSTITUTE FOR  
YOUTH RESEARCH  
MALAYSIA

# Malaysian Journal of Youth Studies

---

**VOLUME**  
**JILID** **21**

ISSN 2180-1649

**DEC**  
**DIS** **2019**

---

*Makalah/Articles*

- Penyerlahan Potensi Belia Melalui Pembangunan Belia Positif (8C) di Malaysia** 1-14  
Shahhanim Yahya, Zainah Shariff, Wan Suriani Wan Jamal, Mohd Rizal Mohd Sham & Rozahidah Roslee
- Belia dan Konstruksi Identiti dalam Talian** 15-28  
Jamilah Maliki, Normah Mustaffa & Mohd. Noor Shahizan Ali
- Pandangan Street Level Bureaucrat Tentang Penggunaan Budi Bicara dalam Penyaluran Khidmat Kepada Remaja** 29-41  
Noor Azizah Ahmad, Ahmad Shukri Abdul Hamid, Noruzeyati Che Mohd Nasir, & Mariny Abdul Ghani

## PENYERLAHAN POTENSI BELIA MELALUI PEMBANGUNAN BELIA POSITIF (8C) DI MALAYSIA

SHAHHANIM YAHYA, ZAINAH SHARIFF, WAN SURIANI WAN JAMAL,  
MOHD RIZAL MOHD SHAM & ROZAHIDAH ROSLEE

### ABSTRAK

*Kajian Penilaian Pembangunan Belia Positif (8C) di Malaysia merupakan salah satu daripada enam mekanisme penilaian Dasar Belia Malaysia (DBM). Melalui DBM, belia Malaysia didefinisikan sebagai individu yang berumur antara 15 hingga 30 tahun. Komponen pembangunan belia positif merangkumi pembangunan aset individu dan aset ekologi yang mempengaruhi secara langsung terhadap pengukuhan pembangunan belia. Sehubungan dengan itu kajian ini telah dilaksanakan bagi membangunkan indikator-indikator bagi mengukur pencapaian pembangunan belia positif 8C; mengenalpasti kandungan instrumen kajian bagi mengukur pencapaian pembangunan belia positif 8C; mengenalpasti mekanisme pengukuhan pencapaian pembangunan belia positif 8C; mengenalpasti kaedah pemantauan pencapaian pembangunan belia positif 8C; dan membentuk strategi/inisiatif bagi mencapai matlamat pembangunan belia positif 8C. Nilai Alpha bagi kelapan-lapan domain melebihi 0.7 membuktikan konstruk dapat menjawab objektif kajian yang disasarkan. Secara keseluruhan, konstruk contribution (sumbangan) mencatatkan nilai alpha tertinggi iaitu 0.904 dan konstruk confidence (keyakinan) mencatatkan nilai alpha terendah iaitu 0.764. Pencapaian skor lapan domain terdiri daripada contribution (sumbangan) dengan nilai skor 71.26 pada tahap sederhana; caring (penyayang) dengan nilai skor 70.50 pada tahap sederhana; character (perwatakan) dengan nilai skor 68.87 pada tahap sederhana; competitive (kompetitif) dengan nilai skor 65.40 pada tahap sederhana; cooperation (kerjasama) dengan nilai skor 64.77 pada tahap sederhana; confidence (keyakinan) dengan nilai skor 63.26 pada tahap sederhana; consideration (bertimbang rasa) dengan nilai skor 63.02 pada tahap sederhana dan competent (kompeten) dengan nilai skor 58.29 pada tahap sederhana. Daripada lapan domain pembangunan belia positif di Malaysia, domain contribution (sumbangan) mencatatkan skor tertinggi iaitu 71.26 (sederhana) dan domain competent (kompeten) mencatatkan skor terendah iaitu 58.29 (kurang memuaskan). Secara keseluruhan, pencapaian skor berada pada tahap sederhana dengan nilai skor 63.94. Dapatan kajian ini dapat melaporkan secara keseluruhan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia melalui lapan domain dan 18 indikator berkaitan pembangunan belia positif dan memberi input kepada 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia di Malaysia bagi merangka strategi bagi meningkatkan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia.*

**Kata Kunci:** *Belia, Pembangunan Belia, Pembangunan Belia Positif, Kualiti dan Kesejahteraan Hidup Belia, Mekanisme Penilaian.*

### ABSTRACT

*Positive Youth Development Evaluation Study (8C) in Malaysia is one of the six mechanisms of assessment of the Malaysian Youth Policy (MYP). Through MYP,*

Malaysian youths are defined as individuals aged between 15 and 30 years old. The component of positive youth development includes the development of individual assets and ecological assets that directly affect to strengthen youth development. In relation to that, this study has been carried out to develop indicators to measure the achievement of positive 8C youth development; identify the instrument to measure the achievement of positive 8C youth development; identifying measurement mechanisms for the achievement of positive 8C youth development; identify the monitoring method for the achievement of positive 8C youth development; and identify some strategies / initiatives to achieve the goal of 8C positive youth development. The Alpha value of the eight domains exceeds 0.7 and proves that the constructs are reliable with objectives. Overall, the Contribution domain contributed the highest alpha value of 0.904 and confidence domain recorded the lowest alpha value of 0.764. The achievement of the eight domain scores consists of Contribution with a score of 71.26 at moderate level; Caring with a score of 70.50 at a moderate level; Character with a score of 68.87 at a moderate level; Competitive with a score of 65.40 on a simple stage; cooperation with a score of 64.77 at a moderate level; confidence with a score of 63.26 at a moderate level; consideration with a score of 63.02 at a moderate and Competent level with a score of 58.29 at a moderate level. From the eight positive youth development domains in Malaysia, the Contribution domain recorded the highest score of 71.26 (moderate) and the Competent domain recorded the lowest score of 58.29 (less satisfactory). Overall score for eight domains are at a moderate level with a score of 63.94. The findings of this study reported the overall achievement for positive youth development (PYD) in Malaysia through eight domains and 18 indicators for 10 group implementers in Malaysia to formulate initiatives and strategies to enhance the achievement of positive youth development in Malaysia.

**Keywords:** Youth, Youth Development, Positive Youth Development, Quality Of Life And Well-Being, Assessment Mechanism

## PENGENALAN

Pembangunan belia positif memberi penekanan kepada usaha untuk membangunkan belia melalui penyerlahan potensi serta aset diri individu belia. Dasar Belia Malaysia (DBM) 2015-2035 memberi tumpuan kepada aspek penyerlahan potensi belia negara ke arah masa depan pembangunan belia yang lebih positif. Bagi menilai keberkesanan DBM dalam konteks ini, enam mekanisme penilaian utama DBM telah dikemukakan oleh Kementerian Belia dan Sukan (KBS) selaku pembuat dasar. Salah satu daripada enam mekanisme penilaian tersebut adalah Kajian Pembangunan Belia Positif 8C. Kajian yang dilaksanakan pertama kali pada tahun 2017 ini melaporkan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia bagi menyerlahkan potensi belia. Selain itu juga, kajian ini juga merupakan inisiatif yang terkandung dalam Teras Strategik Enam : Memantapkan Organisasi Melalui Transformasi Perkhidmatan Awam, Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bagi tahun 2016 hingga 2020.

Melalui DBM, enam mekanisme penilaian utama tersebut adalah Indeks Belia Malaysia; Kajian Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia; Penilaian

Pembangunan Belia Positif 7C + 1C (8C); Penilaian 11 Petunjuk Belia sebagai Sumber dan Aset Negara; Penilaian ke Atas Sembilan Bidang Keutamaan Belia; dan Perbandingan dengan belia di peringkat antarabangsa sebagai kayu pengukur keupayaan belia Malaysia berbanding dengan belia di negara lain. Mekanisme penilaian DBM dirangka bagi memastikan segala pelaksanaan DBM sentiasa relevan dan terkini dalam memenuhi keperluan pembangunan belia semasa (Dasar Belia Malaysia, 2015). Kajian pembangunan belia positif 8C amat penting bagi melaporkan pencapaian pembangunan belia Malaysia secara positif bagi meyerlahkan potensi mereka dalam pelbagai bidang dan lapangan.

Matlamat untuk mencapai 8C dibentuk berdasarkan keperluan pembangunan belia di Malaysia. Lapan ciri yang perlu ada pada golongan belia untuk mencapai matlamat 8C adalah penyayang (*caring*); cekap (*competent*); perwatakan (*character*); keyakinan (*confident*); kerjasama (*cooperation*); bertimbang rasa (*considerate*); kompetitif (*competitive*) dan sumbangan (*contribution*). Lapan ciri ini juga merupakan lapan domain utama bagi melaporkan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia bagi meyerlahkan potensi mereka.

## SOROTAN LITERATUR

Belia Malaysia berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam persekitaran global yang semakin kompetitif. Oleh itu, Dasar Belia Malaysia (DBM) telah menggariskan terdapat empat cabaran belia merangkumi ekonomi, sosial dan teknologi dan DBM merupakan garis panduan dalam menggubal polisi yang bersesuaian dengan kehendak dan tuntutan masa kini dan masa hadapan (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 2015). Pembangunan Belia Positif (PYD) mengiktiraf potensi belia, dibangunkan melalui cara yang positif dan bersesuaian dengan potensi di mana belia berada (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, 2015). Teras DBM 2015-2035 dalam kerangka PYD mempunyai dua asas utama iaitu Matlamat 8C; dan Pembangunan Kesejahteraan Aset Belia Malaysia (Kementerian Belia dan Sukan, 2015).

Pembangunan belia positif di Malaysia melalui Dasar Belia Malaysia (DBM) telah menggariskan lapan domain bagi melaporkan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia iaitu penyayang (*caring*); cekap (kompeten); perwatakan (*character*); keyakinan (*confident*); kerjasama (*cooperation*); bertimbang rasa (*considerate*); kompetitif (*competitive*) dan sumbangan (*contribution*) (Dasar Belia Malaysia, 2015). Hanya Malaysia yang menggunakan lapan domain pembangunan belia positif manakala lima domain asas yang telah digunapakai di peringkat antarabangsa adalah kompetensi (*competence*), keyakinan (*confidence*), karakter (*character*), pengikatan (*connection*) dan penyayang (*caring*) (Lerner *et al.*, 2005; 2011).

Selain itu juga, Indeks Belia Malaysia (IBM) merupakan indeks yang dibangunkan bagi memantau pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup generasi belia di Malaysia (Indeks Belia Malaysia, 2015). Strategi dan inisiatif membangunkan belia secara positif diukur melalui pencapaian skor IBM yang merupakan skor komposit kualiti dan kesejahteraan hidup belia di Malaysia. Pencapaian IBM juga dapat dibandingkan dengan pencapaian kualiti dan kesejahteraan hidup belia di

peringkat ASEAN, Komanwel dan global. Cabaran utama dalam pembangunan belia positif adalah bagaimana merancang dan melaksanakan program secara holistik, berkesinambungan dan sistematik yang dapat meningkatkan lagi pencapaian skor IBM serta mengukur pencapaian belia melalui aset positif yang ada pada diri belia (Indeks Belia Malaysia, 2015). Matlamat pembangunan belia positif dapat ditingkatkan melalui sinergi yang melibatkan 10 kumpulan pelaksana seperti yang telah dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia iaitu keluarga, masyarakat, NGO, KBS dan agensi persekutuan, kerajaan negeri, institusi pendidikan dan penyelidikan, media, syarikat berkaitan kerajaan dan swasta, kepimpinan politik, dan NGO belia dan individu belia bagi menyerlahkan potensi belia di Malaysia.

Merujuk kepada statistik 2017, populasi belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun dianggarkan seramai 9.97 juta yang mewakili 31.1% daripada keseluruhan populasi penduduk Malaysia yang dianggarkan seramai 32.05 juta (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018). Golongan belia menentukan masa depan negara pada masa kini dan pada masa akan datang. Oleh yang demikian, golongan belia perlu dipersiapkan dengan peribadi yang bersepadu dari segi kematapan rohani, akhlak dan jasmani, bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik selaras dengan empat cabaran utama belia yang merangkumi sosial, politik, ekonomi dan teknologi (Azimi, 2005).

Komponen pembangunan belia positif merangkumi pembangunan aset individu dan aset ekologi yang mempengaruhi secara langsung terhadap pengukuhan setiap satu elemen belia yang terdiri daripada elemen kompetensi, keyakinan, karakter, pengikatan dan penyayang (Lerner 2009; Lerner *et al.*, 2013). Menurut Benson, Scales dan Syvertsen (2011), aset individu dalam pembangunan belia positif adalah set kemahiran, kompetensi dan nilai belia yang boleh dibangunkan melalui komitmen untuk belajar, nilai, kompetensi sosial dan identiti yang positif, manakala aset ekologi merupakan akses kepada belia untuk memperoleh kemahiran kehidupan, membina dan mengekalkan hubungan (Agans *et al.*, 2014). Secara ringkasnya, pembangunan belia positif dalam kalangan belia dapat diserlahkan melalui penyerlahan potensi dalaman belia iaitu diri belia dan ekosistem belia yang merangkumi faktor luaran seperti persekitaran belia.

Pembangunan belia positif merupakan strategi yang efektif bagi menggalakkan tingkah laku prososial yang merujuk kepada tindakan sukarela yang bertujuan untuk menolong ataupun memberi manfaat kepada seseorang individu ataupun kumpulan individu yang lain (Eisenberg & Mussen, 1989). Lerner *et al.* (2005) telah mengemukakan mekanisme penilaian pembangunan belia positif secara kuantitatif dalam membangunkan belia. Antara lain juga, Bloomquist, 2010 melalui Kajian *Participation in Positive Youth Development Programs and 4-H: Assessing the Impact on Self-Image in Young People* melaporkan bahawa inisiatif pembangunan belia positif merupakan strategi yang berbentuk jangka masa panjang dan sederhana yang melibatkan pelbagai pemegang taruh dalam usaha menyerlahkan potensi diri golongan belia. Selain itu juga, Hinson *et al.*, 2016 melaporkan bahawa pencapaian pembangunan belia positif dapat diukur melalui mekanisme penilaian yang sistematik dan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Bagi kajian ini, pencapaian pembangunan belia positif diukur melalui

lapan domain iaitu penyayang (*caring*); cekap (*competent*); perwatakan (*character*); keyakinan (*confident*); kerjasama (*cooperation*); bertimbang rasa (*considerate*); kompetitif (*competitive*) dan sumbangan (*contribution*).

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian menerangkan tentang reka bentuk kajian, lokasi kajian, pemilihan sampel, pengumpulan data dan penganalisan data. Rekabentuk kajian ialah rangka kerja yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2005). Kajian ini melibatkan kaedah kuantitatif melibatkan penggunaan borang soal selidik. Menurut Mohd Majid (2004), penggunaan soal selidik lebih praktikal dan berkesan digunakan untuk populasi yang besar. Walau bagaimanapun, bagi mengukur pencapaian pembangunan belia positif ini, sampel dipilih berdasarkan populasi belia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun, Warganegara Malaysia dan melibatkan semua negeri di seluruh Malaysia. Pengumpulan data kajian telah dilaksanakan menggunakan Blok Perhitungan, Jabatan Perangkaan Malaysia melalui Banci Penduduk Tahun 2010. Setiap blok perhitungan (BP) melibatkan beberapa tempat kediaman (TK) yang telah ditetapkan bagi pemilihan sampel bagi mewakili populasi kajian yang dikaji. Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 6,231 orang bagi mewakili populasi belia Malaysia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun mengikut lokaliti dan demografi seperti jantian, etnik dan lain-lain. Bagi melaporkan dapatan kajian berdasarkan objektif kajian, penganalisan data menggunakan perisian SPSS versi 21.0. Dapatan kajian dilaporkan melalui skor dan deskriptif seperti peratus dan bilangan.

Kajian ini berbentuk fundamental yang melibatkan penilaian terhadap pencapaian pembangunan belia positif merangkumi lapan domain utama iaitu penyayang (*caring*); cekap (*competent*); perwatakan (*character*); keyakinan (*confident*); kerjasama (*cooperation*); bertimbang rasa (*considerate*); kompetitif (*competitive*) dan sumbangan (*contribution*). dan 18 indikator bagi melaporkan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia. Kerangka kajian ini diadaptasi daripada *Model Positive Youth Development* (PYD), Lerner, *et al.*, 2005 & 2011 seperti Rajah 1. Kerangka kajian ini adalah seperti Rajah 2. Menurut Lerner *et al.* (2005), aset individu atau aset dalaman adalah elemen yang membina kekuatan belia membuat pilihan. Menurutnya, kekuatan yang dimaksudkan adalah membuat pilihan untuk memiliki impian menjadi yang lebih baik pada masa hadapan, menentukan peraturan sendiri dan mempunyai hubungan yang baik dengan institusi pendidikan, komuniti atau kumpulan praktis. Menurut Benson (2008) dan Lerner *et al.* (2015), aset individu ini menunjukkan bakat yang dimiliki belia, kekuatan dalaman, berkeupayaan tinggi dalam melaksanakan sesuatu, memiliki kehendak atau keinginan yang lebih konstruktif dan pencetus kepada sesuatu pembaharuan.


Dalam masa yang sama, pembangunan belia positif memerlukan belia untuk memiliki aset ekologi melalui persekitaran sekeliling, persekitaran yang lebih kontekstual dan hubungan belia ke dalam sistem sosialisasi (Lerner *et al.*, 2015). Menurut Zarret *et al.* (2009), penglibatan belia dalam aktiviti pembangunan yang terancang boleh menyediakan belia dengan aset pembangunan. Penglibatan belia dalam aktiviti memainkan peranan penting dalam pembangunan sumber ekologi yang merupakan aset ekologi kepada PYD (Benson *et al.*, 2011). Akses




yang diperolehi belia menyediakan peluang yang penting kepada belia dalam memperolehi kemahiran kehidupan, membina dan mengekalkan hubungan antara generasi yang bermanfaat (Agans *et al.*, 2014).

Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan kuantitatif melalui pembentukan borang soalselidik kajian berdasarkan kepada instrumen penilaian 5C sedia ada yang diubahsuai dengan penambahan elemen selaras dengan elemen-elemen yang diperkenalkan oleh Lerner *et al.*, 2011 serta pemurnian item yang bersesuaian berdasarkan tiga domain tambahan bagi pembangunan belia positif belia di Malaysia. Analisis dokumen-dokumen berkaitan juga dilaksanakan bagi menyokong dapatan kajian.

**Rajah 1 : Diadaptasi dan diubahsuai berdasarkan Model Pembangunan Belia Positif (Lerner *et al.* 2005, 2011)**



**Rajah 2. Kerangka Konsep Kajian Berdasarkan Teori Lerner, 2011**



Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif bagi membangunkan indikator penilaian pembangunan belia positif 8C. Tambahan pula, kajian ini dilaksanakan buat pertama kali bagi mengukur pencapaian lapan domain dan 18 indikator pembangunan belia positif di Malaysia.

Kajian ini melibatkan pengumpulan data primer pelbagai kes (*multiple cases*) bertujuan untuk menerangkan teknik interpretasi pengukuran yang terhasil dari instrumen penilaian pembangunan belia positif 8C. Oleh itu, teknik pensampelan berstrata mengikut lokaliti, jantina dan etnik mengikut populasi negeri telah digunakan bagi mendapatkan responden kajian. Sewajarnya dengan tahap keyakinan (*confidence level of*) 95% dan margin kesilapan (*margin of error of*) 5%, saiz sampel minimum berdasarkan populasi belia pada sekitar 384 orang responden bagi setiap satu juta populasi belia (Raosoft, 2009). Oleh yang demikian, jumlah responden yang akan terlibat dengan kajian ini adalah seramai 6,231 orang mewakili populasi belia di peringkat negeri bagi memastikan dapatan kajian yang diperolehi boleh diterima pakai bagi mewakili belia di Malaysia secara amnya. Kriteria persampelan responden mengambil kira kumpulan etnik yang diwakili, merentas generasi umur serta bersesuaian dengan nisbah populasi etnik utama di Malaysia iaitu Bumiputera dan Melayu, Cina, India dan lain-lain serta melibatkan golongan belia di 16 buah negeri di seluruh Malaysia. Populasi dan persampelan kajian telah dilaksanakan berdasarkan Jadual Persampelan Krecjie dan Morgan 1970.

Pengumpulan data melibatkan enumerator yang dilantik dan dilatih untuk ke kajian lapangan. Borang soalselidik yang telah lengkap diisi dan disemak dikodkan. Seterusnya, borang soal selidik yang telah lengkap dikodkan dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 21.0. Program analisis SPSS membantu penyelidik untuk menganalisis data kuantitatif yang meliputi statistik deskriptif dan pencapaian skor domain serta indikator. Dalam statistik deskriptif, penganalisan melibatkan kaedah-kaedah seperti mengumpul maklumat; menyusun; mempersembahkan data dan pengolahan data/ memerihalkan data yang dikumpulkan dalam bentuk pembinaan graf, carta dan jadual; pengiraan beberapa ukuran perihalan seperti purata, sisihan piawai, mod, jadual kekerapan dan juga pengiraan peratusan dan sebagainya. Pencapaian skor domain dan indikator pula dilaporkan melalui skor komposit bagi pembangunan belia positif di Malaysia.

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Sosio Demografi

Responden dalam kajian ini berumur antara 15 hingga 30 tahun yang dikategorikan sebagai belia (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), 2015). Seramai 6,231 orang responden kajian yang terdiri daripada 3,096 (49.7%) orang responden lelaki dan 3,135 (50.3%) orang responden perempuan. Dari segi kategori umur, seramai 1,697 (27.2%) orang merupakan belia awal, 2,500 (40.1%) merupakan belia pertengahan dan 2,034 (32.6%) merupakan belia akhir. Jumlah responden kajian adalah mengikut populasi etnik belia Malaysia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun, di mana majoriti responden berbangsa Melayu dan diikuti dengan responden berbangsa Cina dan India. Responden Melayu seramai 3,712 (59.6%) orang, Cina seramai 1,343 (21.6%), India seramai 476 (7.6%),

Bumiputera Sabah seramai 400 (6.4%) orang, Bumiputera Sarawak seramai 146 (2.3%), Bumiputera asal/ orang asli seramai 74 (1.2%) orang dan lain-lain etnik (Sikh, Siam dan lain-lain) seramai 80 (1.3%) orang. Majoriti responden adalah beragama Islam dan diikuti dengan Buddha, Kristian dan lain-lain. Responden yang tinggal di kawasan bandar adalah seramai 3,916 (62.8%) dan di luar bandar adalah seramai 2,315 (37.2%). Majoriti dalam kalangan responden mempunyai SPM/SPMV iaitu seramai 2,254 orang (36.2%) sebagai pendidikan tertinggi dan diikuti dengan Diploma iaitu seramai 1,192 orang (19.1%) dan serta SRP/ PMR/ PT3 iaitu seramai 853 orang (13.7%).

### **Pencapaian Skor Keseluruhan Skor Mengikut Lapan Domain**

Pencapaian skor lapan domain terdiri daripada *contribution* (sumbangan) dengan nilai skor 71.26 pada tahap sederhana; *caring* (penyayang) dengan nilai skor 70.50 pada tahap sederhana; *character* (perwatakan) dengan nilai skor 68.87 pada tahap sederhana; *competitive* (kompetitif) dengan nilai skor 65.40 pada tahap sederhana; *cooperation* (kerjasama) dengan nilai skor 64.77 pada tahap sederhana; *confidence* (keyakinan) dengan nilai skor 63.26 pada tahap sederhana; *consideration* (bertimbang rasa) dengan nilai skor 63.02 pada tahap sederhana dan *competent* (kompeten) dengan nilai skor 58.29 pada tahap sederhana. Daripada lapan domain pembangunan belia positif di Malaysia, domain *contribution* (sumbangan) mencatatkan skor tertinggi iaitu 71.26 (sederhana) dan domain *competent* (kompeten) mencatatkan skor terendah iaitu 58.29 (kurang memuaskan). Secara keseluruhan, pencapaian skor pembangunan belia positif di Malaysia berada pada tahap sederhana dengan nilai skor 63.94.

Secara keseluruhan, domain *contribution* (sumbangan) mencatatkan nilai skor tertinggi iaitu 71.26 dan berada pada tahap sederhana. Selain itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa belia Malaysia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun menyumbang secara positif kepada keluarga, sekolah atau institusi pengajian, kejurangan dan masyarakat. Selain itu juga, melalui sumbangan yang dihulurkan, belia berpeluang untuk mempraktikkan 7C sebelumnya. Selain itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa domain *competent* (kompeten) mencatatkan nilai skor terendah iaitu 58.29 (kurang memuaskan). Golongan belia memerlukan latihan, kursus, bimbingan dan lain-lain bagi meningkatkan kecekapan, berkelayakan serta berkebolehan menjalankan tugas dengan sempurna dalam pelbagai bidang antara lainnya akademik, sosial, emosional dan vokasional.

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa enam domain lain iaitu *caring* (penyayang); *character* (perwatakan); *confident* (keyakinan); *cooperation* (kerjasama); *considerate* (bertimbang rasa); dan *competitive* (kompetitif) berada di tahap sederhana dan masih boleh ditingkatkan melalui pelaksanaan inisiatif yang bersesuaian dan melibatkan 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia yang merangkumi keluarga; masyarakat; badan bukan kerajaan (NGO); KBS dan agensi persekutuan; kerajaan negeri; institusi pendidikan dan penyelidikan; media; syarikat berkaitan kerajaan dan swasta; kepimpinan politik dan NGO belia dan individu belia seperti yang telah dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM). Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang ketara dari segi pencapaian skor bagi tiga kategori umur belia iaitu belia awal, belia pertengahan dan belia akhir.

Walaupun bagaimanapun, secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai skor bagi belia akhir adalah lebih tinggi berbanding belia awal dan belia pertengahan.

Dari segi lapan kumpulan sasaran belia pula, dapatan kajian menunjukkan Domain *Caring* (Penyayang) menunjukkan Belia Pengajian Tinggi berada pada skor tertinggi dengan nilai 72.69 pada tahap sederhana manakala Perumpulan Belia menunjukkan skor terendah dengan nilai 68.46 pada tahap sederhana. Domain *Competent* (Kompeten) menunjukkan Belia Pengajian Tinggi berada di skor tertinggi dengan nilai 60.79 pada tahap sederhana manakala Belia Minoriti/ Terpinggir menunjukkan skor terendah dengan nilai 52.19 pada tahap kurang memuaskan. Domain *Character* (Perwatakan) menunjukkan Belia Pengajian Tinggi berada di skor tertinggi dengan nilai 70.36 pada tahap sederhana manakala Belia Berisiko menunjukkan skor terendah dengan nilai 66.26 pada tahap sederhana. Domain *Confident* (Keyakinan) menunjukkan Belia Pengajian Tinggi berada di skor tertinggi dengan nilai 64.48 pada tahap sederhana manakala Belia Minoriti/ Terpinggir menunjukkan skor terendah dengan nilai 60.42 pada tahap sederhana. Domain *Cooperation* (Kerjasama) menunjukkan Belia Pengajian Tinggi berada di skor tertinggi dengan nilai 66.03 pada tahap sederhana manakala Belia Minoriti/ Terpinggir menunjukkan skor terendah dengan nilai 61.38 pada tahap sederhana. Domain *Considerate* (Bertimbang rasa) menunjukkan Belia Pengajian Tinggi berada di skor tertinggi dengan nilai 64.28 pada tahap sederhana manakala Belia Berisiko menunjukkan skor terendah dengan nilai 60.24 pada tahap sederhana. Domain *Competitive* (Kompetitif) menunjukkan Belia Pengajian Tinggi berada di skor tertinggi dengan nilai 66.76 pada tahap sederhana manakala Belia Minoriti/ Terpinggir menunjukkan skor terendah dengan nilai 63.32 pada tahap sederhana. Domain *Contribution* (Sumbangan) menunjukkan Belia Berkerjaya berada di skor tertinggi dengan nilai 72.85 pada tahap sederhana manakala Belia Berisiko menunjukkan skor terendah dengan nilai 69.06 pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini berupaya dijadikan input bagi merangka inisiatif dan strategi yang bersesuaian bagi pembangunan belia positif berdasarkan lapan kumpulan sasaran belia dan tiga kategori umur belia iaitu belia awal, belia pertengahan dan belia akhir dengan melibatkan pemegang taruh pembangunan belia di Malaysia yang merentas pelaksana dan agensi.

## PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Secara ringkasnya, pembangunan belia positif dalam kalangan belia dapat diserlahkan melalui penyerlahan potensi dalaman belia iaitu diri belia dan ekosistem belia yang merangkumi faktor luaran seperti persekitaran belia. Penerapan pembangunan belia positif dalam kalangan belia berupaya mendorong tingkah laku prososial iaitu tindakan sukarela yang bertujuan untuk menolong atau pun memberi manfaat kepada seseorang individu ataupun kumpulan individu yang lain (Eisenberg & Mussen, 1989). Dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan belia positif secara holistik, strategi dan inisiatif bagi meningkatkan pencapaian skor perlu dilaksanakan secara bersepadu yang melibatkan pelbagai pemegang taruh pembangunan belia di Malaysia merentas agensi dan pelaksana di Malaysia.

Pembangunan belia positif di Malaysia melalui lapan elemen utama

seperti yang terkandung dalam Dasar Belia Malaysia merupakan pembangunan belia positif mengikut acuan Malaysia berdasarkan kepelbaggian etnik dan latarbelakang belia di Malaysia. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan skor bagi tujuh domain (*Caring, Competent, Character, Competitive, Cooperation, Considerate & Confident*) adalah variabel peramal dan merupakan faktor bagi pencapaian skor domain *contribution*. Dapatan kajian menunjukkan, daripada 18 indikator bagi mengukur pencapaian pembangunan belia positif 8C, 10 indikator utama yang menentukan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia ialah *Caring (Caring), Social (Competent), Social Conscience (Character), Values Diversity (Character), Positive Identification (Confident), Community Engagement (Cooperation), Volunteerism (Considerate), Donation (Considerate), Attitudes (Competitive)* dan *Goal Orientation (Competitive)*. Selain itu juga melalui dapatan kajian ini, kaedah pemantauan dicadangkan bagi memastikan pencapaian pembangunan belia positif dapat dilaporkan secara konsisten bagi mencapai matlamat pembangunan belia positif di Malaysia.

Oleh yang demikian, pemantauan berkala dicadangkan untuk dilaksanakan bagi setiap satu atau dua tahun bagi memperkukuh dan menyerlahkan potensi modal insan belia Malaysia sebagai pemacu pembangunan strategic negara pada masa hadapan selaras dengan Dasar Belia Malaysia (DBM). Strategi dan inisiatif yang dirangka adalah berdasarkan konsep *tier* berdasarkan pencapaian semasa pembangunan belia positif. Bagi meningkatkan pencapaian pembangunan belia positif di Malaysia, pemegang taruh pembangunan belia disarankan merangka strategi dan inisiatif berdasarkan pencapaian domain mengikut *tier* ini. *Tier 1* merujuk kepada pembangunan belia positif yang berada pada tahap “memuaskan” sehingga “sangat memuaskan” dengan nilai skor 75 hingga 100. Walau bagaimanapun, tiada domain berada pada tahap ini. *Tier 2* pula merujuk kepada pembangunan belia positif yang berada pada tahap “sederhana” dengan nilai skor 60 hingga 74. *Tier 2* ini memerlukan intervensi yang melibatkan tujuh domain iaitu *caring, character, confidence, cooperation, consideration, competitive dan contribution*. Selain itu juga, *Tier 3* merujuk kepada pembangunan belia positif yang berada pada tahap “kurang memuaskan” hingga “tidak memuaskan” dengan nilai skor 0-59. Fasa ini memerlukan pemerhatian yang khusus melalui proses diagnosis dan kumpulan berfokus yang melibatkan domain *competent* bagi kajian ini.

## PENUTUP

Secara keseluruhan, pdpatan kajian menunjukkan domain *contribution* (sumbangan) mencatatkan nilai skor tertinggi iaitu 71.26 dan berada pada tahap sederhana. Domain ini terdiri dari satu indikator sahaja. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa belia Malaysia yang berumur antara 15 hingga 30 tahun menyumbang sesuatu yang positif kepada keluarga, sekolah atau institusi pengajian, kejiarahan dan masyarakat. Selain itu juga, melalui sumbangan yang dihulurkan, belia berpeluang untuk mempraktikkan 7C sebelumnya. Selain itu juga, dapatan kajian menunjukkan bahawa domain kompeten mencatatkan nilai skor terendah iaitu 58.29 (kurang memuaskan). Golongan belia memerlukan latihan bagi meningkatkan kecekapan, berkelayakan serta berkebolehan menjalankan tugas dengan sempurna dalam pelbagai bidang antara lainnya akademik, sosial, emosional dan vokasional.

Enam domain lain iaitu *caring* (penyayang); *character* (perwatakan); *confident* (keyakinan); *cooperation* (kerjasama); *considerate* (bertimbang rasa); dan *competitive* (kompetitif) berada di tahap sederhana dan masih boleh ditingkatkan melalui pelaksanaan inisiatif yang bersesuaian dan melibatkan 10 kumpulan pelaksana pembangunan belia yang merangkumi keluarga; masyarakat; badan bukan kerajaan (NGO); KBS dan agensi persekutuan; kerajaan negeri; institusi pendidikan dan penyelidikan; media; syarikat berkaitan kerajaan dan swasta; kepimpinan politik dan NGO belia dan individu belia seperti yang telah dinyatakan dalam Dasar Belia Malaysia (DBM).

Oleh yang demikian, bagi meningkatkan pencapaian pembangunan belia positif secara keseluruhan, strategi dan inisiatif bagi meningkatkan pencapaian kompeten dalam kalangan belia perlu dirangka dan dilaksanakan secara menyeluruh. Selain itu juga, tujuh domain yang lain juga perlu diberi perhatian yang sewajarnya dalam usaha untuk mencapai matlamat pembangunan belia positif secara menyeluruh dan efektif bagi menyerlahkan potensi belia di Malaysia.

#### RUJUKAN

- Agan & Jennifer. (2014). Activity Involvement as an Ecological Asset: Profiles of Participation and Youth Outcomes. *Journal of Youth and Adolescence*. Volume 43, 10.1007/s10964-014-0091-1.
- Azimi Hamzah. (2005). *Helping malaysian youth move forward: Unleashing the prime enablers*. Serdang, Selangor: Bahagian Komunikasi Korporat, Universiti Putra Malaysia.
- Bloomquist. (2010). *Participation in Positive Youth Development Programs and 4-H: Assessing the Impact on Self- Image in Young People*.
- Benson. (2008). Positive Youth Development : Processes, Programs and Problematics. *Journal of Youth Development*.
- Benson, Scales & Syvertsen. (2011). The *contribution* of the developmental assets framework to positive youth development theory and practice.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2011). *Research methods in education (7th ed.)*. London: Routledge Falmer.
- Commonwealth Youth Programme. (2007). *The Commonwealth Plan of Action for Youth Empowerment 2007-2015*. London: Commonwealth Secretariat.
- Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research (4th ed.)*. Boston, MA: Pearson Education, Inc.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative and mixed methods approaches (4th ed.)*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.

- Dasar Belia Malaysia (2015). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Davies, M., & Hughes, N. (2014). *Doing a successful research project: Using quantitative and qualitative research methods (2nd ed.)*. London: Palgrave Macmillan.
- Eisenberg, N., & Mussen, P. H. (1989). *The roots of prosocial behavior in children*. New York: Wiley. <http://dx.doi.org/10.1017/CBO9780511571121>.
- Hinson, L. (2016). *Positive Youth Development Measurement Toolkit*. USAID PYD Mini-Training at YEO Summit.
- Indeks Belia Malaysia (2015). Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2016). Malaysia: A glance. Retrieved from [https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cone&menu\\_id=dDM2enNvM09oTGtQemZPVzRTWENmZz09](https://www.statistics.gov.my/index.php?r=column/cone&menu_id=dDM2enNvM09oTGtQemZPVzRTWENmZz09)
- Karcher, M. J., Kuperminc, G. P., Portwood, S. G., Sipe, C. L., & Taylor, A. S. (2006). Mentoring programs: A framework to inform program development, research, and evaluation. *Journal of Community Psychology*, 34(6), 709–725. <http://doi.org/10.1002/jcop>
- Lerner, R. M., & Castellino, D. R. (2002). Contemporary developmental theory and adolescence: Developmental systems and applied developmental science. *Journal of Adolescent Health*, 31(6), 122–135. [http://doi.org/10.1016/S1054139X\(02\)00495-0](http://doi.org/10.1016/S1054139X(02)00495-0)
- Lerner R. M. (2004). *Liberty: Thriving and civic engagement among American youth*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Lerner, R.M., Lerner, J.V., Almerigi, J., Theokas, C., Phelps, E., Gestsdottir, S., Naudeau, S., Jelicic, H., Alberts, A.E., Ma, L., Smith, L.M., Bobek, D.L., Richman-Raphael, D., Simpson, I., Christiansen, E.D., & von Eye, A. (2005). Positive youth development, participation in community youth development programs, and community contributions of fifth grade adolescents: Findings from the first wave of the 4-H study of positive youth development. *Journal of Early Adolescence*. 25(1): 17–71.
- Lerner, R. M., Brittan, A., & Fay, K. (2007). *Mentoring: A Key Resource for Promoting Positive Youth Development*. *Research in Action*, 1(1), 3-15.
- Lerner, R. M. (2009). The positive youth development perspective: Theoretical and empirical bases of a strength-based approach to adolescent development. In C. R. Snyder and S. J. Lopez (Eds.), *Oxford Handbook of Positive Psychology* (2nd ed., pp. 149-163). Oxford, England: Oxford University Press.

- Lerner, R. M., von Eye, A., Lerner, J. V., Lewin-Bizan, S., & Bowers, E. P. (2010). The meaning and measurement of thriving: A view of issues. *Journal of Youth and Adolescence*, 39 (7), 707-719.
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., & Benson J. B. (2011). *Positive youth development: Research and applications for promoting thriving in adolescence*. In R. M. Lerner, J. V. Lerner, & J. B. Benson (Eds.). *Advances in child development and behavior* (pp. 2-13). London: Elsevier Publishing.
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., Lewin-Bizan, S., Bowers, E. P., Boyd, M., Mueller, M., Schmid, K., Napolitano, C. (2011). Positive youth development: Processes, programs, and problematics. *Journal of Youth Development*, 6(3), 40-64.
- Lerner, R. M., Bowers, E. P., Geldhof, G. J., Gestsdottir, S., & Desouza, L. (2012). *Promoting positive youth development in the face of contextual changes and challenges: The roles of individual strengths and ecological assets*. *New Directions for Youth Development*, 135(1), 119-28. doi: 10.1002/yd.20034
- Lerner, R. M., Napolitano, C. M., Boyd, M. J., Mueller, M. K., & Callina, K. S. (2013). *Mentoring and positive youth development*. In D. L. DuBois, & M. J. Karcher (Eds.), *The handbook of youth mentoring* (2nd ed.). (pp. 17-27). Thousand Oaks: Sage Publications Inc.
- Lerner, R. M., Lerner, J. V., Bowers, E. P. & Geldhof, G. J. (2015). *Positive youth development: A relational developmental systems model*. In R.M. Lerner, W. F. Overton, & P. C. M. Molenaar (Eds.), *The handbook of child psychology and developmental science* (7th ed.). (pp. 607-651). New Jersey: John Wiley and Sons Inc.
- Lerner, R. M. (2005). Positive youth development, participation in community youth development programs, and community contributions of fifth-grade adolescents: Findings from the first wave of the 4-h study of positive youth development. *The Journal of Early Adolescence*, 25(1), 17–71. doi:10.1177/0272431604272461
- Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan (2015). Putrajaya: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Peter L. Benson, Peter C. Scales, and Amy K. Syvertsen. (2011). *The Contribution of the Developmental Assets Framework to Positive Youth Development Theory and Practice*. *Development and Behavior*, Vol. 41, Burlington: Academic Press, 2011, pp. 197-230.
- Raosoft (2009). Raosoft Sample Size Calculator. [www.raosoft.com/samplesize.html](http://www.raosoft.com/samplesize.html).
- Robert V. Krejcie & Daryle W. Morgan. (1970). Determining Sample Size For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* 1970,



30, 607-610.

Li, Yibing; Agans, Jennifer P.; Chase, Paul A.; Arbeit, Miriam R.; Weiner, Michelle B.; Lerner, Richard M. (2014). *School Engagement and Positive Youth Development: A Relational Developmental Systems Perspective*. v116 n13 p37-57 2014.

United Nations. (2002). *Youth in Malaysia: A review of the youth situation and national policies and programmes*. New York: United Nations.

Yin, R. K. (2011). *Qualitative research from start to finish*. New York, NY: The Guildford Press.

Zarret & Lerner, R. M. (2009). Positive Youth Development : Processes, Philosophies and Programs.

Zimmerman, S., Phelps, E., & Lerner, R. M. (2008). Positive and negative development trajectories in U.S adolescents: Where the PYD perspective meets the deficit model. *Research in Human Development*, 5, 153-165.

#### **Profil Penulis:**

##### **Shahhanim Yahya**

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)  
Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya  
shahhanim@iyres.gov.my*

##### **Zainah Shariff, PhD**

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)  
Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya  
drzainah@iyres.gov.my*

##### **Wan Suriani Wan Jamal**

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)  
Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya  
suriani@iyres.gov.my*

##### **Mohd Rizal Mohd Sham**

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)  
Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya  
rizal@iyres.gov.my*

##### **Rozahidah Roslee**

*Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)  
Kementerian Belia dan Sukan, Putrajaya  
zahidah@iyres.gov.my*

**BELIA DAN KONSTRUKSI IDENTITI DALAM TALIAN**  
JAMILAH MALIKI, NORMAH MUSTAFFA & MOHD. NOOR SHAHIZAN  
ALI

**ABSTRAK**

*Media sosial membolehkan individu mewujudkan identiti dalam talian yang memaparkan identiti pilihan mereka. Identiti dalam talian membenarkan individu berinteraksi dengan semua lapisan termasuk orang yang tidak dikenali. Kajian terdahulu telah menunjukkan bahawa individu mengkonstruksi identiti dalam talian yang berbeza untuk memenuhi interaksi sosial yang berbeza. Kajian ini dijalankan untuk menyelidik hubungan antara keupayaan kognitif individu dengan konstruksi identiti dalam talian dalam kalangan pengguna media sosial. Facebook telah dipilih sebagai bahan kajian memandangkan ia mempunyai jumlah pengguna laman sosial terbesar dalam kalangan penuntut di institusi pengajian tinggi serta merupakan media sosial yang paling popular dalam kalangan golongan muda. Tinjauan telah dijalankan terhadap 400 responden yang merupakan pengguna aktif Facebook. Kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara peranan kognitif dengan konstruksi tiga jenis identiti dalam talian. Set keupayaan kognitif yang berbeza digunakan oleh pengguna-pengguna Facebook untuk mengkonstruksi identiti dalam talian seperti identiti sebenar, identiti unggul dan identiti samaran. Justeru, kajian ini mengesahkan peranan kognitif dalam mempengaruhi konstruksi identiti dalam talian bagi ketiga-tiga identiti yang dikenal pasti.*

**Kata Kunci:** *Konstruksi Identiti, Identiti Dalam Talian, Identiti Sebenar, Identiti Samaran, Identiti Unggul.*

**ABSTRACT**

*Social media allow people to create an online identity that display their own preferences. The online identity allow people to interact with all walks of people, including strangers in the cyberworld. Previous studies have shown that people construct different types of online identities to suit different social interaction with different people. This study investigates the relationship between an individual's cognitive ability and the construction of online identity among social media users. Facebook was chosen as the site of studying online identities as it has the largest number of users among students in higher institutions as well as its popularity among young people. A survey was carried out with 400 respondents who are active users of Facebook. The study found there is a significant relationship between cognitive role in the construction of three different types of online identities. Different sets of cognitive ability were used by Facebook's users to construct different types of online identities such as real identity, ideal identity and fake identity. Thus, this study confirms that cognitive influences the types of online constructed identity.*

**Keywords:** *Identity Construction, Online Identity, Real Identity, Fake Identity, Ideal*

*Identity***PENGENALAN**

Perkembangan media sosial memberikan persekitaran baharu kepada masyarakat meneroka aspek komunikasi dan interaksi secara lebih luas dan terbuka. Ia telah berjaya menghapuskan batasan bukan sahaja melibatkan sempadan sesebuah negara tetapi turut berpotensi memadamkan garisan sempadan peribadi antara individu dalam masyarakat (Castell 2000). Malah, ia menyediakan persekitaran baharu kepada pengguna memperlihatkan potensi untuk menonjolkan dan mempersembah identiti yang berbeza di alam maya (Davis 2012). Dengan adanya jaringan media sosial ini, ia menyediakan ruang untuk individu memapar, memperkenalkan serta mengkonstruksi identiti bagi tatapan umum, dengan alasan tersendiri yang memungkinkan ruang peribadi mereka dikenali oleh umum dengan lebih rapat dan akrab.

Sarjana-sarjana mengkaji konstruksi identiti sebagai suatu proses sosial yang berterusan, (Mead 1934; Erikson 1968, Zhao *et al.* 2008). Penggunaan media sosial yang tinggi dikatakan memberi kesan kepada konstruksi identiti belia (Farquhar 2012; Pempek *et al.* 2009). Ini disebabkan pengguna media sosial melakukan pendedahan diri dengan menggunakan media sendiri (Pallis *et al.* 2011; Siapera 2012). Pada laman *Facebook* misalnya, profil yang dipapar dianggap mampu menjadi identiti maya bagi setiap penggunaanya (Boyd 2004; Boyd & Heer 2006). Malah imej yang dipamer di *Facebook* memaparkan identiti dan realiti sosial yang dikonstruksi oleh pemilik (Farquhar 2012).

Sungguhpun demikian, individu boleh menkonstruksi dan mengubah identiti bergantung kepada kumpulan mana ia berada dan boleh menjadi seseorang yang terlalu sempurna dan terbaik di alam maya dalam kalangan ahli yang ada walaupun keadaan realiti adalah sebaliknya dan ini mendorong ahli-ahli yang lain berusaha mengkonstruksi identiti yang sama dengan apa yang dicipta (Zhao *et al.* 2008) sebagaimana yang dinyatakan oleh Geidner *et al.* (2007) bahawa individu menggunakan petanda identiti dan imej atau frasa yang selari dengan orientasi kelompok kumpulan persekitaran di mana ia berada. Dinamika identiti yang berorientasikan kelompok yang mempunyai minat, ciri dan kecenderungan yang sama ini mendorong individu menyesuaikan imej agar diri diterima oleh persekitaran (Geidner *et al.* 2007; De Ruyter & Conroy 2002).

Konstruksi identiti dimungkinkan kerana wujudnya komunikasi berasaskan komputer (Turkle 1995: 14). Turkle berhujah bahawa media sosial membolehkan individu mengkonstruksi dan kemudian mengkonstruksi semula identitinya. Malah identiti yang dibentuk dalam talian dipersembahkan dalam bentuk yang diubah suai secara berulang kali serta disesuaikan mengikut keadaan dan situasi (Zhao, Grasmuck & Martin 2008). Konstruksi identiti sering kali dilihat sebagai bersifat peribadi yang dimulakan oleh pemiliknya. Namun, konstruksi ini turut dipengaruhi hasil interaksi dengan individu lain dalam alam siber yang menjadi “kawan”. Kawan

di sini mungkin sahaja kawan lama dalam alam nyata ataupun kawan baharu yang dikenali dalam alam siber (Smith 1998).

Perubahan konstruksi identiti seperti yang dimaksudkan menuntut individu menggunakan media secara literasi. Hal ini demikian kerana penggunaan media sosial bukan sahaja melibatkan amalan literasi berasaskan pengetahuan memahami dengan mengguna, bahkan melibatkan kemahiran membina dan berkongsi mesej komunikasi dalam bentuk integrasi teks, foto, animasi, audio dan visual (Davis 2012). Integrasi pembinaan dan perkongsian makna yang dicipta melalui foto, animasi, audio dan visual ini seterusnya memberi peluang kepada individu sebagai pengguna media sosial untuk membina identiti dan menjalankan pelbagai tindakan sosial melalui amalan-amalan literasi yang mereka ada (Davis, 2012).

Kajian ini memberikan tumpuan kepada penggunaan *Facebook* oleh pemilik dalam mengkonstruksi identiti sendiri mereka. Kajian ini meneliti hubungan kognitif dengan tiga bentuk identiti hasil daripada paparan sendiri oleh individu semasa interaksi di *Facebook*. Identiti yang akan dikaji ialah identiti sebenar, identiti samaran dan identiti unggul. Identiti sebenar merupakan pemaparan identiti berdasarkan keadaan sebenar, tanpa sebarang suntingan, tokoh tambah, atau mana-mana tindakan mengubah keadaan asli individu itu di luar talian. Identiti samaran merujuk kepada paparan identiti yang berlainan dengan identiti di luar talian, dengan tujuan untuk menyembunyikan identiti sebenar. Identiti unggul pula merupakan identiti yang idaman yang ingin dicapai oleh individu (De Ruyter & Conroy, 2002). Dalam konteks media sosial, identiti unggul diketengahkan melalui pemaparan sosok terbaik kepada khalayak sasaran atau rakan maya.

Berdasarkan kajian masa lalu, hipotesis dibina untuk melihat hubungan antara pemboleh ubah kognitif dengan konstruksi identiti dalam laman sosial, *Facebook*. *Facebook* dipilih sebagai bahan utama kajian memandangkan populasi terbesar pengguna laman sosial ini terdiri dalam kalangan penuntut di institusi pengajian tinggi (Christy *et al.*. 2011; Ellison *et al.*. 2007) serta merupakan media sosial yang paling popular dalam kalangan belia (Duggan & Brenner 2013; Ellison *et al.*. 2007, Noumeur & Syed Arabi 2019). Dalam kajian ini, media sosial didefinisikan sebagai laman sesawang ataupun aplikasi yang direka bentuk untuk memudahkan individu berkongsi maklumat dengan cepat, berkesan dan pada masa sebenar. Mereka bertindak sebagai pemaju kandungan. Ini berbeza daripada media tradisional yang biasanya berupa kejadian yang telah dirakamkan sebelum disiarkan atau diterbitkan. Kelebihan ini memudahkan pengguna media sosial berinteraksi dengan para pengguna lain.

## SOROTAN LITERATUR

Pendedahan sendiri sering dikaitkan dengan persembahan sendiri dan kognitif individu. Kajian oleh Berzonsky (2008) misalnya meneliti hubungan informasi yang dipaparkan dalam laman peribadi dalam talian dengan persembahan sendiri individu.

Kajian ini meneliti bagaimana individu memilih informasi yang dipaparkan dalam laman peribadi yang bertindak sebagai perwakilan kepada diri individu berkenaan dalam talian. Apabila individu membuat pilihan, mereka menggunakan proses kognitif untuk mengkonstruksi identiti mereka semasa membuat pilihan berkaitan informasi atau perwakilan yang digunakan untuk memaparkan diri dalam laman peribadi masing-masing.

Identiti yang dipersembahkan di laman *Facebook* merupakan pemaparan personaliti pemiliknya. Gosling *et al.* (2007) menjelaskan tanggapan personaliti berdasarkan profil dengan melakukan pemerhatian turut serta terhadap 165 pengguna dan analisis 133 profil pengguna *Facebook* yang diukur dengan dimensi personaliti. Berdasarkan hasil kajian, Gosling *et al.* (2007) menjelaskan bahawa personaliti dalam *Facebook* yang dinilai menunjukkan persetujuan dengan dimensi personaliti luar talian. Selain itu, laman jaringan sosial merupakan sumber yang relevan dan sah untuk membincangkan personaliti selain mengembangkan keperluan sosial.

Individu bertindak mengkonstruksi identiti dalam talian dengan membuat pemantauan secara selektif terhadap gambar profil yang dipaparkan dalam akaun *Facebook* masing-masing mengikut gambaran yang ingin dipaparkan mereka kepada khalayak (Pempek *et al.* 2009). Leonardi (2010) yang mengkaji bentuk persembahan diri dalam laman *Facebook* dengan menghujah agar menambah (mengembangkan) unsur retorik dan naratif ke dalam perspektif interaksi simbolik), Kajian Denninger (2010) yang meneroka interpretasi terhadap pembentukan identiti dalam laman *Facebook*, kajian oleh Davis (2011) yang menjelaskan bahawa identiti sendiri merupakan hasil daripada interaksi sosial serta kajian oleh Bullingham & Vasconcelos (2013) yang juga meneliti persembahan sendiri dalam talian.


Pemilik akaun berupaya menginterpretasi identiti berdasarkan paparan imej dalam laman *Facebook* (Farquhar, 2012). Gambar profil didapati mempunyai ikatan dengan tanggapan pertama terhadap individu. Namun terdapat gambar yang berunsur negatif yang dimuat naik oleh pengguna tanpa memikirkan respon negatif; dengan alasan untuk diterima oleh kumpulan sasaran. Secara ringkasnya, pengguna *Facebook* sedar tentang peranan gambar dalam memaparkan identiti mereka. Kesedaran secara kognitif ini membolehkan individu menginterpretasi dan membuat keputusan tentang paparan identiti yang dikonstruksi dalam *Facebook*.

Nourmeur & Syed Arabi (2019) pula meneliti pemaparan diri menerusi laman *Facebook* dalam kalangan belia wanita. Dengan menjalankan tinjauan terhadap 133 terhadap penuntut di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kajian ini meneliti bagaimana individu mengurus dan mengkonstruksi identiti maya mereka. Dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara identiti luar dengan identiti dalam talian. Dengan kata lain, kajian ini menjelaskan kesukaran pemisahan antara identiti nyata dengan identiti maya.

Pembentukan identiti digital turut diteliti daripada sudut literasi. Rodriguez

(2018) menjalankan kajian kes untuk meneroka amalan literasi dan konstruksi identiti digital dalam kalangan remaja di Eropah. Dengan melibatkan kajian etnografi terhadap dua remaja yang terlibat secara aktif terhadap menggunakan media dalam talian. Kajian ini mendapati bahawa konstruksi identiti dalam talian adalah sama penting dengan identiti di luar talian bagi remaja terbabit. Kajian juga mendapati bahawa literasi diamalkan untuk mengkonstruksi identiti sungguhpun identiti yang dipaparkan merupakan identiti samaran. Dengan kata lain, remaja mengamalkan literasi semasa mengkonstruksi identiti digital mereka.

Berpegang kepada tujuan utama kajian yang meneroka dinamika faktor kognitif dalam mempengaruhi konstruksi identiti dalam talian, teori identiti yang diinspirasi daripada Burke & Stets (2009) menjelaskan identiti sendiri tidak terbentuk sejak lahir. Kebolehan individu secara kognitif menjadi faktor yang mempengaruhi pembentukan (sepanjang hayat). Lakaran berikut menjelaskan peranan faktor kognitif iaitu, pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa dalam status, kebolehan berfikir serta penapisan komen terhadap konstruksi identiti dalam talian yang digunakan dalam kajian ini.



**Rajah 1: Model Faktor Kognitif dan Konstruksi Identiti dalam Talian**

## KAEDAH KAJIAN

Populasi kajian adalah terdiri daripada pelajar yang sedang menuntut di empat buah universiti di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Pemilihan terhadap empat buah universiti iaitu UM, USM, UKM dan UPM dijadikan sebagai populasi kajian adalah berdasarkan prestij universiti berkenaan sebagai universiti penyelidikan. Penuntut jurusan komunikasi dipilih sebagai sampel kajian pula adalah sesuai dengan sifat-sifat penuntut yang terdedah dengan literasi media hasil pendedahan terhadap media sosial melalui kursus-kursus media dan komunikasi sepanjang pengajian mereka mahupun secara tidak formal dengan pengetahuan asas sebagai penuntut pengajian media (Mohd. Nor Shahizan 2012). Berdasarkan kepada populasi di empat buah universiti berkenaan,

penkaji memutuskan untuk menggunakan kaedah persampelan bertujuan bagi pemilihan sampel kajian. Sampel bertujuan digunakan dengan memilih pengguna *Facebook* yang terdiri dalam kalangan pelajar di UM, USM, UKM dan UPM. Ciri-ciri pemilihan responden adalah seperti berikut iaitu: terdiri dalam kalangan pelajar yang mengambil jurusan komunikasi di UM, USM, UKM dan UPM; responden telah berdaftar berdaftar dan memiliki akaun *Facebook* sekurang-kurangnya sejak tiga tahun dan ke atas; dan responden adalah terdiri daripada pemilik akaun yang aktif.

Borang soal selidik digunakan sebagai instrumen utama dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat berkaitan sumbangan kognitif dalam konstruksi identiti sendiri dalam talian. Skala Likert 5-mata iaitu (5) sangat setuju hingga (1) sangat tidak setuju digunakan bagi mengukur pemboleh-pemboleh ubah dalam kajian ini. Sebelum kajian sebenar dijalankan, penkaji telah menjalankan kajian rintis terhadap 60 orang responden untuk menguji reliabiliti instrumen soal selidik. Berdasarkan lima item, nilai *Alpha Cronbach* yang dikira ialah 0.854-0.965 seperti jadual berikut:

**Jadual 1: Alpha Cronbach Kognitif**

<b>Konstruk Kognitif</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
Pengetahuan am	0.854
Pengalaman	0.854
Menapis bahasa dalam status	0.930
Berfikir	0.931
Menapis komen	0.965

N=60

Konstruk kognitif diukur berdasarkan pemboleh ubah pengetahuan am, pengalaman, menapis bahasa dalam status, berfikir dan menapis komen.. Berdasarkan ujian reliabiliti bagi lima item pemboleh ubah, nilai *Alpha Cronbach* yang dikira bagi lima item ialah 0.854 bagi item pengetahuan am dan pengalaman. Bagi item menapis bahasa dalam status pula, nilai *Alpha Cronbach* ialah 0.930 bagi item menapis bahasa dalam status. Sementara bagi item berfikir dan menapis komen, nilai *Alpha Cronbach* masing-masing ialah 0.931 dan 0.965.

## DAPATAN KAJIAN

Jadual 1 meringkaskan taburan profil demografi responden. Kajian ini telah melibatkan seramai 400 responden dengan taburan seramai 111 (27.25 peratus) responden lelaki dan 289 72.25 peratus responden perempuan. Sebahagian besar responden mempunyai hanya satu akaun *Facebook* sahaja. Jumlah ini meliputi seramai 333 orang (83.3 peratus). Ini diikuti dengan 47 orang (11.8 peratus) yang mempunyai 2 akaun *Facebook*, 12 orang (3 peratus) yang mempunyai 3 akaun, dan

8 orang (2 peratus) yang mempunyai 4 atau lebih akaun *Facebook*. Daripada segi tempoh penggunaan, seramai 261 orang responden (65.3 peratus) telah memiliki akaun *Facebook* melebihi enam tahun. Sejumlah 67 orang (16.8 peratus) pula memiliki akaun *Facebook* sejak lima tahun lalu manakala seramai 51 orang (12.8 peratus) sejak empat tahun dan 21 orang (5.3 peratus) sejak tiga tahun lalu. Dengan kata lain, penggunaan *Facebook* telah mula digunakan sejak dari alam persekolahan, iaitu sebelum responden melangkah ke alam universiti.

**Jadual 2: Profil Demografi Responden**

Latar belakang	Peratus
<b>Jantina</b>	
Lelaki	27.25
Perempuan	72.25
<b>Jumlah akaun dimiliki</b>	
1 akaun	83.3
2 akaun	11.8
3 akaun	3.0
4 akaun dan lebih	2.0
<b>Tempoh penggunaan <i>Facebook</i></b>	
3 tahun	5.3
4 tahun	12.8
5 tahun	16.8
6 tahun dan lebih	65.3
N=400	

### **Hubungan Kognitif dengan Konstruksi Identiti Dalam Talian**

Untuk mengukur kognitif, konstruk ini dibentuk dengan mencari min yang menggabungkan enam item iaitu pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa, pengetahuan memuat naik, penapisan komen, dan penulisan status. Untuk mengukur identiti, konstruk ini dibentuk dengan mencari min yang menggabungkan identiti unggul, identiti sebenar dan identiti samaran. Dua pemboleh ubah yang diuji dalam hipotesis ini ialah pemboleh ubah tak bersandar (pengetahuan) dan pemboleh ubah bersandar (identiti). Hipotesis ini diuji dengan menggunakan statistik regresi linear. Aras signifikan 0.05 ditetapkan untuk menolak atau tidak menolak hipotesis null. Hipotesis null dalam kajian ini ialah, tidak terdapat hubungan antara kognitif dengan identiti unggul.

Dalam ujian korelasi, konstruk kognitif didapati mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan identiti, yang menjadi pemboleh ubah bersandar, pada aras 0.001. Nilai korelasi Kognitif dengan Identiti ialah 0.354.

Nilai  $R^2$  sebanyak 0.125 menunjukkan bahawa konstruk Kognitif menyumbang sebanyak 12 peratus sebagai prediktor kepada pemboleh ubah



bersandar Identiti.

Analisis ANOVA menunjukkan bahawa nilai  $F(1,398) = 56.852$ ,  $p < 0.0001$ . Justeru, Hipotesis null ditolak. Nilai koefisien bagi konstruk Kognitif adalah signifikan pada aras 0.05. Nilai koefisien Beta bagi Kognitif (0.354) adalah peramal kepada konstruksi Identiti dalam talian. Ujian heteroskedisiti menunjukkan varian bersifat homogen.

Secara keseluruhannya, kajian mendapati konstruksi identiti sendiri dalam talian bagi seseorang itu ditentukan oleh faktor kognitif. Item ini membantu seseorang itu mengkonstruksikan identiti kendirinya dalam talian. Dalam konteks kajian ini ialah konstruksi identiti sendiri dalam talian dalam kalangan pengguna *Facebook*. Dalam kajian ini, setiap item kognitif yang dikenalpasti iaitu pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa, pengetahuan memuat naik, penapisan komen, dan penulisan status dianalisis dengan setiap konstruksi identiti iaitu identiti unggul, sebenar dan samaran.

Untuk mengukur hubungan konstruk pengetahuan dengan tiga identiti berbeza, tiga hipotesis dibina seperti berikut: Untuk mengukur hubungan konstruk pengetahuan dengan tiga identiti berbeza, tiga hipotesis dibina seperti berikut:

- H1a-Terdapat hubungan antara kognitif dengan identiti unggul
- H1b-Terdapat hubungan antara kognitif dengan identiti sebenar
- H1c-Terdapat hubungan antara kognitif dengan identiti samaran

### **Hubungan Kognitif Dengan Identiti Unggul Dalam Talian**

Konstruk kognitif diukur dengan item pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa, pengetahuan memuat naik, penapisan komen, dan penulisan status. Hipotesis ini diuji dengan menggunakan statistik regresi linear. Aras signifikan 0.05 ditetapkan untuk menolak atau tidak menolak hipotesis null. Hipotesis null dalam kajian ini ialah, tidak terdapat hubungan antara kognitif dengan identiti unggul.

Dalam ujian korelasi, kesemua item yang mengukur konstruk kognitif didapati mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan Identiti Unggul, yang menjadi pemboleh ubah bersandar, pada aras 0.001. Nilai korelasi bagi item Pengetahuan am dengan Identiti Unggul yang tertinggi sekali (0.236), diikuti Penapisan Komen (0.232). Analisis regresi mendapati terdapat empat item pemboleh ubah tak bersandar iaitu Pengetahuan Am, Penapisan Komen, Pengetahuan Muat Naik dan Penulisan Status sebagai prediktor kepada pemboleh ubah bersandar. Dua lagi item pemboleh ubah tak bersandar iaitu Pengalaman dan Penapisan Bahasa diketepikan daripada analisis regresi kerana didapati tidak menjadi prediktor secara signifikan kepada pemboleh ubah bersandar Identiti Unggul.

Nilai  $R^2$  sebanyak 0.102 menunjukkan bahawa empat item konstruk Kognitif iaitu pengetahuan am, penapisan komen, pengetahuan muat naik dan

penulisan status menyumbangkan sebanyak 10 peratus sebagai prediktor kepada pemboleh ubah Identiti Unggul. Dengan kata lain, apabila membentuk identiti unggul, individu menggunakan konstruk iaitu pengetahuan am, penapisan komen, pengetahuan muat naik dan penulisan status. Konstruk penapisan bahasa tidak digunakan dalam mengkonstruksi identiti unggul. Pengguna sedar, kemampuan kognitif apa yang diperlukan apabila mengkonstruksi identiti unggul.

Analisis ANOVA menunjukkan bahawa nilai  $F(4,395) = 14.334, p < 0.0001$ . Justeru, Hipotesis null ditolak. Nilai koefisien bagi empat item konstruk Kognitif adalah signifikan pada aras 0.05. Nilai *coefficient* Beta item-item iaitu Pengetahuan Am (0.186), Pengetahuan Muat Naik (0.192), Penapisan Komen (0.763), dan Status (-0.636) adalah peramal kepada Identiti Unggul dalam talian. Dua lagi item konstruk Kognitif iaitu Pengalaman dan Penapisan Bahasa tidak menjadi peramal kepada Identiti Unggul dalam talian. Ujian heteroskedisiti menunjukkan varian bersifat homogen.

Analisis ini menjelaskan bahawa identiti unggul dalam talian bagi seseorang itu ditentukan oleh item-item pengetahuan am, penapisan komen, pengetahuan muat naik dan penulisan status. Kesemua item ini berpadu untuk membentuk identiti unggul seseorang dalam talian. Dalam konteks kajian ini ialah pembentukan identiti unggul dalam *Facebook* ditentukan oleh item-item pengetahuan am, penapisan komen, pengetahuan muat naik dan penulisan status yang mengukur konsep kognitif.

### **Hubungan Kognitif dengan Identiti Sebenar dalam Talian**

Pemboleh-pemboleh ubah yang diuji dalam hipotesis ini ialah pemboleh ubah tak bersandar (item-item kognitif) dan pemboleh ubah bersandar (identiti sebenar). Konstruk kognitif diukur dengan item-item pengetahuan am, pengalaman, penapisan bahasa, pengetahuan memuat naik, penapisan komen, dan penulisan status.

Hipotesis ini diuji dengan menggunakan statistik regresi linear. Aras signifikan 0.05 ditetapkan untuk menolak atau tidak menolak hipotesis null. Hipotesis null dalam kajian ini tidak terdapat hubungan antara kognitif dengan identiti sebenar.

Dalam ujian korelasi, hanya item pengetahuan am, pengalaman, bahasa dan tapis komen yang mengukur konstruk Pengetahuan dan didapati mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan Identiti Sebenar, yang menjadi pemboleh ubah bersandar, pada aras 0.05. Nilai korelasi item Pengetahuan Am dengan Identiti Sebenar yang tertinggi sekali iaitu 0.186, diikuti dengan Bahasa sebanyak 0.139. Analisis regresi mendapati terdapat dua item pemboleh ubah tak bersandar iaitu Pengetahuan Am, dan Penapisan Bahasa sebagai prediktor kepada pemboleh ubah bersandar. Empat lagi item pemboleh ubah tak bersandar iaitu Pengalaman, Pengetahuan Muat Naik, Penapisan Komen dan Penulisan Status diketepikan daripada analisis regresi kerana didapati tidak menjadi prediktor secara signifikan kepada pemboleh ubah sandaran Identiti Sebenar.

Nilai  $R^2$  sebanyak 0.048 menunjukkan bahawa dua item bagi konstruk Kognitif iaitu pengetahuan am dan penapisan bahasa menyumbang sebanyak 5 peratus sebagai prediktor kepada pemboleh ubah Identiti Sebenar. Dengan kata lain, apabila membentuk identiti unggul, individu hanya menggunakan konstruk iaitu pengetahuan am dan penapisan bahasa. Konstruk lain iaitu penapisan komen, pengetahuan muat naik dan penulisan status tidak digunakan dalam mengkonstruksi identiti unggul.

Analisis ANOVA menunjukkan bahawa nilai  $F(2,397) = 9.934, p < 0.0001$ . Hipotesis null ditolak. Nilai koefisien bagi empat item bagi konstruk Kognitif adalah signifikan pada aras 0.05. Nilai koefisien Beta item-item ialah Pengetahuan Am (0.170), dan Penapisan Bahasa (0.115) adalah peramal kepada Identiti Sebenar dalam talian. Empat lagi item iaitu Pengalaman, Pengetahuan Muat Naik, Penapisan Komen dan Penulisan Status tidak menjadi peramal kepada Identiti Sebenar dalam talian. Ujian heteroskedisiti menunjukkan varian bersifat homogen.

#### Hubungan Faktor Kognitif dengan Identiti Samaran Dalam Talian

Hubungan konstruk kognitif dengan identiti samaran dalam talian ini diuji dengan menggunakan statistik regresi linear. Aras signifikan 0.05 ditetapkan untuk menolak atau tidak menolak hipotesis null. Hipotesis null dalam kajian ini tidak terdapat hubungan antara kognitif dengan identiti samaran.

Dalam ujian korelasi, hanya item-item pengalaman, muat naik dan status yang mengukur konstruk Kognitif dan didapati mempunyai hubungan positif secara signifikan dengan Identiti Samaran, yang menjadi pemboleh ubah bersandar, pada aras 0.05. Item-item lain bagi konstruk kognitif yang lain iaitu pengetahuan am, bahasa dan tapis komen tidak mempunyai hubungan signifikan. Nilai korelasi item Status dengan Identiti Samaran yang tertinggi sekali iaitu 0.167, diikuti dengan item Pengetahuan Muat Naik sebanyak 0.163. Analisis regresi mendapati terdapat hanya satu item yang mengukur pemboleh ubah tak bersandar Kognitif iaitu Penulisan Status sebagai prediktor kepada pemboleh ubah bersandar, iaitu Identiti Samaran. Lima lagi item yang mengukur konstruk pemboleh ubah tak bersandar Kognitif iaitu Pengetahuan Am, Pengalaman, Penapisan Bahasa, Pengetahuan Muat Naik dan Penapisan Komen diketepikan daripada analisis regresi kerana didapati tidak menjadi prediktor secara signifikan kepada pemboleh ubah Identiti Samaran.

Nilai  $R^2$  sebanyak 0.028 menunjukkan bahawa hanya satu item bagi konstruk Kognitif iaitu penulisan status hanya menyumbangkan sebanyak 2 peratus sebagai prediktor kepada pemboleh ubah Identiti Samaran. Dengan kata lain, apabila membentuk identiti unggul, individu hanya menggunakan konstruk iaitu penulisan status dan mengenyahkan konstruk pengetahuan am, pengalaman, penapisan komen dan pengetahuan muat naik.

Analisis ANOVA menunjukkan bahawa nilai  $F(1,398) = 11.374, p < 0.0001$ .

Hipotesis null ditolak. Nilai koefisien Beta bagi item Status yang mengukur konstruk Kognitif adalah signifikan pada aras 0.05. Nilai koefisien Status (0.167) adalah peramal kepada Identiti Samaran dalam talian. Lima lagi item bagi konstruk Kognitif iaitu Pengetahuan am, Pengalaman, Pengetahuan Muat Naik Penapisan Bahasa, dan Penapisan Komen tidak menjadi peramal kepada Identiti Samaran dalam talian. Ujian heteroskedisiti menunjukkan varian bersifat homogen.

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa identiti samaran dalam talian bagi seseorang itu ditentukan oleh penulisan status. Item status menjadi prediktor kepada identiti samaran seseorang dalam talian. Dalam konteks kajian ini ialah pembentukan identiti samaran dalam media sosial *Facebook* ditentukan oleh item penulisan status yang mengukur faktor Kognitif.

## PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Individu menggunakan kognitif untuk mengkonstruksi identiti yang mereka mahukan dalam talian. Dapatan kajian menjelaskan kepentingan peranan kognitif sebagai faktor yang mempengaruhi individu untuk konstruksi identiti dalam talian sebagai pentas untuk memaparkan sisi terbaik diri mereka. Pandangan ini adalah selari dengan apa yang telah diujikan oleh Turkle (1996) bahawa golongan muda menggunakan media digital untuk pemaparan diri dalam talian dengan cara yang mereka mahukan. Kajian ini mengukuhkan bahawa konstruksi identiti dalam talian tidak berbeza daripada konstruksi identiti individu di luar talian. Apabila mengkonstruksi identiti sendiri dalam talian, individu berkuasa penuh mencipta identiti yang diinginkan dan proses buat putusan bergantung kepada penilaian individu itu sendiri berdasarkan pengetahuan daripada segi kognitif. Ini disebabkan individu berkenaan mampu melihat identiti yang dihasilkan dalam *Facebook*. Sekiranya tidak disukai, individu boleh mengubahnya mengikut kehendaknya. Dapatan ini selaras dengan pandangan Rowsel (2013) berpandangan bahawa media sosial merupakan makmal untuk meneroka dan bereksperimen untuk mencipta versi diri yang paling disukai dan paling unggul.

Belia mempunyai akses kepada maklumat serta pendedahan terhadap konstruksi identiti di hujung jari mereka, sesuatu yang sangat berbeza daripada generasi sebelumnya. Peredaran dan perkongsian ilmu atau maklumat itu adalah amat sukar untuk dielakkan. Justeru, hasil kajian ini memberikan satu pendedahan kepada belia di Malaysia untuk lebih memahami peranan kognitif dalam konstruksi dan pembentukan identiti dalam talian. Kajian ini juga merupakan satu saranan kepada belia untuk mengubah persepsi terhadap amalan mengkonstruksi identiti berdasarkan kebolehan kognitif dalam konteks yang sewajarnya sebagaimana pandangan Rodguries (2019) bahawa kebolehan seseorang individu mengendalikan identiti dalam talian adalah amat bergantung kepada peluang untuk mengaplikasi literasi termasuk kebolehan kognitif menerusi apa jua medium yang digunakan.

Kajian masa depan perlu melihat pemaparan identiti dalam talian dalam

kalangan pelajar berlainan program. Apakah program yang berbeza mencorakkan identiti yang berbeza dalam media sosial seperti *Facebook*? Perbezaan ini perlu dikaji sebab fenomena ini terkeluar daripada fokus kajian ini. Selain itu, kajian ini hanya membataskan penelitian terhadap konstruk kognitif. Adalah disarankan agar kajian lanjutan turut dilaksanakan bagi mengenalpasti faktor-faktor lain yang turun dapat dihubungkan dengan identiti dalam talian pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Berzonsky, M., D. (2008). *Identity formation: The role of identity processing style and cognitive processes*. *Personality and Individual Differences*, 44(3): 643-653.
- Boyd, D. (2004). *Friendster and publicly articulated social networks*. *Proceedings of ACM Conference on Human Factors in Computing Systems*, hlm. 1279-1282.
- Boyd, D. & Heer, J. (2006). *Profiles as conversation: Networked identity performance on Friendster*. Dlm: *Proceedings of the Hawai'i International Conference on System Sciences (HICSS-39)*. <https://www.danah.org/papers/HICSS2006.pdf>.
- Bullingham, L. & Vasconcelos, A., C. (2013). 'The presentation of self in the online world': *Goffman and the study of online identities*. *Journal of Information Science*, 39(10): 101-112.
- Burke, P. & Stets, J. E. (2009). *Identity Theory*. New York: Oxford University Press.
- Castell, M. (2000). *The Rise of network society. The Information Age: economy, society, and culture*. Jilid 1. United Kingdom: Blackwell Publishing.
- Christy M.K. Cheung, Pui-Yee Chiu & Matthew K.O. Lee. (2011). *Online social networks: Why do students use Facebook?* *Computers in Human Behavior*. 27: 1337-1343.
- Davis, K. (2012). *Tensions of identity in a networked era: Young people perspectives on the risks and rewards of onlie self-expression*. *New Media and Society*. 14 (4): 634-651.
- De Ruyter, D & Conroy, J. (2002). *The Formation of Identity: the importance of ideals*. *Oxford Review of Education*. 28 (4): 509-522.
- Denninger, M., D. (2011). *The Interpretation of Online Identity on Facebook and Social Networking Sites*. Tesis Sarjana Falsafah. Gonzaga University.

- Ellison, N, Steinfield, C & Lampe, C. (2007). The benefits of *Facebook* ‘friends’: social capital and college students’ use of online social network sites. *Journal of Computer-Mediated Communication*. 12(4): 1143-1168.
- Erikson, E. H. (1968). *Identity, Youth and Crisis*. New York: W. W. Norton.
- Faquhar, L., K. (2009). *Identity Negotiation on Facebook*. Tesis Sarjana Falsafah. Universiti Iowa.
- Faquhar, L., K. (2012). *Performing and interpreting identity through Facebook imagery*. *New Media Technologies*. 19(4): 446-471.
- Geidner, N., W., Flook, C., A. & Bell, M., W. (2007). *Masculinity and online social networks: Male self-identification on Facebook.com*. Dlm: Paper Presented at Eastern Communication Association 98th Annual Meeting. Providence, RI.
- Leonardi, M. (2010). *Narrative as self performance: the rhetorical construction of identities on Facebook profiles*. Tesis Sarjana Falsafah. Universiti of New Mexico.
- Mohd. Nor Shahizan Ali. (2012). *Pendefinisian Semula Literasi Media Melalui Komponen Pembinaan Makna Audio Visual ke Atas Rutin Automatik Filem Dokumentari*. Tesis Sarjana Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mead, G. H. (1934). *Mind, Self and Society from the Standpoint of a Social Behaviorist*. Chicago: University of Chicago Press.
- Noumeur, M. N. & Syed Arabi Idid. (2019). Online self-representation of Malaysian muslim female students: a *Facebook* case study. *Malaysian Journal of Media Studies*, 20(1): 15-30.
- Pallis, G., Dikaiakos, M. D & Zeinalipour-Yazti, D. (2011). *Online social networks: status and trends*. *New Directions in Web Data Management 1*. (Pnyt) Vakali, A & Jain, L. C. Berlin: Springer. Hlmn 213-234.
- Pempek, T., A., Yermolayeva, Y., A. & Calvert, S., L. (2009). College students’ social networking experiences on *Facebook*. *Journal of Applied Developmental Psychology*. 30(3): 227-238.
- Rodriguez, J. (20119). *Multiliteracy Practices of Two Teenagers: A European Case Study*. Tesis PhD. UCL Institute of Education.
- Siapera, E. (2012). *Understanding New Media*. London, New York: Sage

Publications.

Yang, C. C., & Brown, B. B. (2016). Online self-presentation on *Facebook* and self development during the college transition. *Journal of Youth and Adolescence*, 45(2): 402-416.

Zhao, S., Grasmuch, S. & Martin, J. (2008). *Identity construction on Facebook: digital empowerment in achored relationships*. *Computers in Human Behavior* 24: 1816- 1836.

**Profil Penulis:**

**Jamilah Maliki**

*Pelajar Sarjana Falsafah (Komunikasi)*  
*Pusat Kajian Media dan Komunikasi,*  
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*mjamilahmaliki@gmail.com*

**Normah Mustaffa, PhD**

*Pensyarah Kanan*  
*Pusat Kajian Media dan Komunikasi,*  
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia,*  
*normahm@ukm.edu.my*

**Mohd. Noor Shahizan Ali, PhD**

*Pusat Kajian Media dan Komunikasi,*  
*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*  
*Universiti Kebangsaan Malaysia*  
*shahizan@ukm.edu.my*

**PANDANGAN *STREET LEVEL* BUREAUCRAT TENTANG  
PENGUNAAN BUDI BICARA DALAM PENYALURAN KHIDMAT  
KEPADA REMAJA**

**NOOR AZIZAH AHMAD, AHMAD SHUKRI ABDUL HAMID,  
NORUZEYATI CHE MOHD NASIR, & MARINY ABDUL GHANI**

***ABSTRAK***

*Artikel ini menggunakan rangka kerja Street-level Bureaucrats (SLB) yang dikemukakan oleh Michael Lipsky (1980) untuk meneliti tentang penggunaan budi bicara dalam penyaluran khidmat kepada kanak-kanak dan remaja. SLB adalah merujuk kepada pekerja barisan hadapan yang memainkan peranan penting melaksanakan peruntukan polisi bagi meningkatkan kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Namun, dalam melaksanakan tugas sering kali SLB tidak mampu mengikut sepenuhnya peraturan dan prosedur yang ditetapkan memandangkan wujudnya kepelbagaian dari segi klien dan situasi kes. Berdasarkan kepada rangka kerja yang dikemukakan Lipsky ini, SLB perlu menggunakan budi bicara bagi membolehkan perkhidmatan yang sesuai dan sebaik mungkin dapat diberikan kepada remaja. Bagi meneliti situasi ini di Malaysia, satu kajian telah dilakukan dalam kalangan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di kawasan Utara Semenanjung. Sebelas orang Pengawai Akhlak dan Pelindung telah ditemubual untuk meneliti kenapa dan bagaimana mereka menggunakan budi bicara dalam menyalurkan khidmat kepada remaja. Analisis temubual tersebut telah menghasilkan tema-tema yang diperincikan dalam artikel ini bagi menjawab persoalan tersebut merangkumi (i) kekangan masa, (ii) kepelbagaian dan bebanan kerja, (iii) demi kepentingan terbaik remaja dan (iv) occupational wisdom.*

**Kata Kunci:** *Street-level Bureaucrats (SLB), budi bicara, remaja, Jabatan Kebajikan Masyarakat.*

***ABSTRACT***

*This article utilises the Street-Level Bureaucracy (SLB) framework proposed by Michael Lipsky (1980) to discuss the use of discretion in service provision in the area of child and adolescence welfare. Street-level bureaucrats (SLBs) are front-line workers who play a crucial role in implementing policies which ultimately affect the well-being of society. One of the conundrums faced by these workers is the fact that in performing their duties, they often do not have the luxury of adhering strictly to the rules and procedures that constitute part of their job requirements. This is due to the diversity in their clients and the cases that they are to handle. The framework proposed by Lipsky suggests that when faced with these situations, SLBs regularly use discretions in order to fulfill their job requirements and provide the best services to their clients. To examine this phenomenon in Malaysia, a study has been conducted involving front-line workers of the Malaysian Department of Social Welfare (DSW) from the northern region of Peninsular Malaysia. A total of 11 DSW*



*staff comprising probation officers and child protectors, were interviewed in order to examine why and how they use discretions in their jobs, focusing specifically on service delivery in the area of child welfare. The analysis of the interview data has produced several major themes, discussed at length in this paper, which include (i) time constraints, (ii) workload and diversity, (iii) in the best interest of the child, and (iv) occupational wisdom.*

**Keywords:** *Street-level Bureaucrats (SLBs), discretion, children, Department of Social Welfare.*

## PENGENALAN

Street-level Bureaucrats (SLBs) merupakan pekerja barisan hadapan atau pelaksana polisi dalam agensi-agensi kerajaan yang menyalurkan pelbagai khidmat bagi meningkatkan kesejahteraan dan kefungsiannya masyarakat seperti kesihatan, kebajikan, atau pendidikan. Jururawat, doktor pegawai polis, guru, dan pegawai kebajikan secara tipikal adalah termasuk dalam kelompok SLBs. Kelompok ini boleh dicirikan sebagai mereka yang (i) sering kali berinteraksi secara langsung dengan penerima perkhidmatan, dan (ii) mempunyai kuasa atau peluang untuk menggunakan budi bicara dalam ruang lingkup tertentu ketika menyalurkan khidmat, sama ada menentukan bentuk bantuan yang boleh diberikan atau sanction (hukuman) yang boleh dikenakan kepada klien.

Perdebatan utama tentang teori SLB ini ialah keputusan dan tindakan yang dilakukan oleh SLBs, akan 'menjadi' atau mewakili polisi agensi tempat kerja mereka. Ini kerana masyarakat sering kali dan secara langsung menerima kesan polisi berdasarkan keputusan yang dibuat oleh SLBs semasa mereka menguruskan kes klien. Merujuk keadaan tersebut, polisi bukan dilihat sekadar dokumen abstrak merujuk kepada keputusan yang dibuat oleh pihak atasan dalam organisasi. Sebaliknya, polisi juga merangkumi tindakan yang dilakukan oleh SLB semasa melaksanakan tugas. SLBs boleh 'membentuk polisi' dengan cara sebegini kerana mereka boleh menggunakan budi bicara (discretion) berdasarkan autoriti yang dimiliki mereka ketika berhadapan dengan klien. Kuasa untuk menggunakan budi bicara ini secara tidak langsung dimiliki SLBs memandangkan mereka dianggap sebagai pekerja profesional, yang boleh dan perlu melakukan penilaian terhadap situasi kes klien dalam bidang kepakaran mereka. Walau bagaimanapun, budi bicara juga muncul kerana mereka ini secara relatif agak bebas dari kawalan penuh organisasi, dan perlu melaksanakan tugas-tugas rumit yang tidak mengikut skrip atau formula tertentu.

Lipsky (1980) menjelaskan bahawa penyalur perkhidmatan yang berinteraksi secara langsung dengan klien sering menggunakan budi bicara dalam penyaluran khidmat. Beliau berpandangan terdapat jurang di antara apa yang dirancangkan (seperti peruntukan polisi, prosedur dan peraturan) dengan apa yang sebenarnya berlaku apabila polisi dilaksanakan oleh SLBs. Ini bermakna polisi

yang dibentuk dan diluluskan oleh pembuat polisi tidak sepenuhnya dipatuhi atau diikuti disebabkan oleh faktor-faktor tertentu. Penulis-penulis seterusnya telah memperluaskan lagi perbincangan tentang maksud budi bicara dari pelbagai dimensi. Dworkin (1997) mengumpamakan budi bicara sebagai lubang atau ruang kosong yang terdapat dalam donut, yang dirujuk sebagai ruang terbuka yang berada di luar dari ruang atau lingkungan kawalan polisi atau peraturan. Berdasarkan pandangan ini, para pekerja berpeluang menggunakan budi bicara walaupun dalam ruang lingkup yang agak terhad. Scott (1997) pula berpandangan budi bicara merujuk kepada julat pilihan dalam satu parameter yang menghadkan tingkahlaku penyalur pekhidmatan. Beliau menekankan kepada tingkah laku penyalur khidmat yang secara langsung membawa kepada penggunaan budi bicara. Evan (2009) seterusnya menjelaskan budi bicara sebagai ruang lingkup autonomi di mana keputusan yang dibuat bergantung kepada pandangan dan penilaian peribadi seseorang pekerja semasa berurusan dengan klien sama ada untuk menggunakan budi bicara atau tidak. Tummers dan Bekkers (2012) pula merujuk budi bicara sebagai kebebasan yang dimiliki oleh SLB untuk membuat keputusan berkait dengan pengagihan sumber, pemberian ganjaran atau hukuman yang boleh diperolehi oleh golongan sasaran.

Terdapat tiga bentuk budi bicara yang boleh diguna pakai oleh SLBs seperti yang telah dibincangkan oleh Taylor dan Kelly (2006). Pertama ialah budi bicara dari segi peraturan yang merujuk kepada sekatan atau had yang ditentukan berdasarkan aspek perundangan, fiskal atau kekangan organisasi. Ini merujuk kepada kaedah atau cara bagaimana SLBs mengubahsuai peruntukan ini berdasarkan kepada keadaan bertujuan untuk membantu klien. Kedua, budi bicara dari segi nilai yang menekankan kepada aspek keadilan (*fairness* atau *justice*) yang dirasakan oleh pekerja dalam mengendalikan kes kepada klien. Ketiga ialah budi bicara dari segi tugas (*task*) yang merujuk kepada keupayaan SLBs mengendalikan tugas yang ditetapkan oleh organisasi walaupun mungkin menggunakan kaedah yang agak berbeza dari yang ditetapkan. Selaras dengan perbincangan yang telah dikemukakan, kajian ini cuba meneliti pandangan penyalur khidmat tentang kenapa dan bagaimana mereka menggunakan budi bicara semasa melaksanakan tugas membantu remaja.

## **METODOLOGI**

Kajian ini adalah berbentuk penerokaan yang menggunakan kaedah temubual separa-struktur. Garis panduan temubual dibentuk berdasarkan kepada literatur pengkaji-pengkaji seperti Lipsky (2010), Sibanda (2013), Shah (2010) dan Mutereko (2009). Persoalan yang dibangkitkan semasa temubual merangkumi mengapa dan bagaimana informan menggunakan budi bicara ketika menyalurkan khidmat kepada klien. Responden kajian adalah terdiri daripada kakitangan yang bekerja di sembilan (9) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di tiga (3) buah negeri di Utara Semenanjung. Informan yang dipilih untuk ditemubual bertanggungjawab menawarkan perkhidmatan yang melibatkan kes remaja yang terdiri daripada Pegawai Pelindung, Pegawai Akhlak dan kaunselor. Temubual

telah dijalankan di tempat kerja informan setelah mendapat kebenaran dari Ketua Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Temubual ini telah ditranskripsi secara verbatim dan kemudian dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Penelitian ini telah menghasilkan empat tema merangkumi kekangan masa, kepelbagaian kes dan bebanan kerja, demi kepentingan terbaik klien, dan occupational wisdom.

### DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian merangkumi demografi responden dan penggunaan budi bicara dalam penyaluran khidmat dan contoh-contoh kes yang dikemukakan oleh responden.

#### Demografi Responden

Jadual 1 memaparkan maklumat demografi responden kajian. Sebelas orang responden terlibat dalam temubual terdiri daripada lima orang wanita dan enam orang lelaki. Jawatan mereka adalah Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat dengan enam orang daripada mereka merupakan Ketua Unit Kanak-kanak di tempat mereka bertugas. Semua responden bertanggungjawab menguruskan kes akhlak atau perlindungan melibatkan remaja. Hanya seorang responden memegang dua portfolio serentak iaitu sebagai Pegawai Pelindung dan Pegawai Akhlak. Tempoh paling singkat memegang jawatan sekarang adalah lapan bulan dan paling lama selama 17 tahun.

Jadual 1: Demografi Responden

Responden	Jantina	Jawatan	Tempoh Memegang Jawatan Sekarang
R1	Wanita	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Pegawai Akhlak	4 tahun
R2	Wanita	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Pegawai Pelindung	2 tahun
R3	Lelaki	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Ketua Unit Kanak-kanak / Pegawai akhlak	1 tahun
R4	Lelaki	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Ketua Unit Kanak-kanak / Pegawai Akhlak	15 tahun
R5	Lelaki	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Pelindung	10 tahun
R6	Lelaki	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Kanan / Ketua Unit Kanak-kanak / Pelindung	17 tahun

R7	Lelaki	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Pelindung dan Pegawai Akhlak	3 tahun
R8	Wanita	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Kanan / Ketua Unit Kanak-kanak / Pegawai Akhlak	12 tahun
R9	Wanita	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat Kanan / Pelindung	2 tahun
R10	Wanita	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Ketua Unit Kanak-kanak / Pelindung	8 bulan
R11	Lelaki	Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat / Ketua Unit Kanak-kanak / Pelindung	10 tahun

Sumber: Kajian Lapangan, 2017

Semua responden menyatakan mereka merujuk polisi, peraturan dan prosedur yang ditetapkan semasa menjalankan tugas. Polisi utama yang menjadi rujukan mereka ialah Akta Kanak-kanak 2001(Pindaan 2017) dan *Standard Operating Procedure* (SOP) tentang cara pengurusan kes yang ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Walau bagaimanapun, mereka turut mengakui perlu menggunakan budi bicara semasa melakukan intervensi dengan klien disebabkan oleh keadaan tertentu. Analisis yang dilakukan terhadap sesi temubual separa-struktur telah menghasilkan beberapa tema yang boleh menggambarkan kenapa dan bagaimana responden menggunakan budi bicara dalam melaksanakan tugas. Tema tersebut merangkumi (i) kekangan masa, (ii) kepelbagaian dan bebanan kerja, (iii) demi kepentingan terbaik klien, dan (iv) occupational wisdom.

### **Kekangan Masa**

Tema utama yang sering muncul dalam perbualan dengan responden berkenaan kenapa mereka menggunakan budi bicara ialah kekangan masa. Kekangan masa boleh berlaku berpunca dari peruntukan tempoh masa singkat yang ditetapkan kepada pekerja untuk melengkapkan tugas atau boleh juga dilihat dari sudut jangkaan yang dibuat pekerja tentang tempoh masa yang mereka perlukan untuk menyiapkan tugas. Kedua-dua keadaan ini boleh membawa kesan negatif kepada pelaksanaan tugas sekiranya tiada perancangan baik dilakukan pekerja. Ini dilaporkan oleh dua orang responden seperti berikut:

*Bukan apa kalau ikut satu...satu...satu masa akan habis banyak pada satu benda tu dan kita tertinggal benda yang lain sebab tu kami perlu kreatif la...*  
(R1)

*Kami perlu kreatif kadang-kadang benda yang patut kami buat aaa...kami buat bukan tak buat sebab kalau tak buat kami nanti kami akan dapat ketakakuran.*

*Kami dapat ketakakuran kami buat tapi macam mana cara kami buat tu mengikut kreativiti kami la (R3)*

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, responden merasakan mereka perlu bekerja dengan cekap dan berkesan untuk memenuhi jangkauan (matlamat atau objektif) yang diharapkan oleh organisasi kepada setiap tugas yang dilaksanakan. Ini termasuk cuba melaksanakan pelbagai tugas dengan serentak, atau sekiranya ini tidak mampu dilaksanakan, mereka perlu menggunakan kaedah berbeza untuk memastikan tugas itu boleh dilaksanakan pada masa yang ditetapkan. Cara bagaimana mereka berhadapan dengan masalah ini digambarkan dengan pernyataan berikut:

*Tapi kekangan masa tu la kita nak buat nak ni kan sebab dia bergantung pada kes la. Kadang setengah daerah kes tak banyak ok la. Kalau daerah kes banyak tu dia ni la sikitlah. Sebab kami ni pegang kerja, tugas banyak kan... Macam kami campur-campur kan, terpaksa la nak ni tu..... Sepatutnya anak angkat ni bawah pelindung tapi macam Cik XXX pun kes dia banyak, kes mencabar la, kan. Kes macam-macam. (R8)*

*... macam laporan akhlak saya kena sedia kadang sampai dua pagi, bawa balik rumah. Kalau di pejabat memang tak dan (tidak sempat). Sebab kadang di pejabat kes mai, kes-kes tak terkawal tu kita kena layan dia sampai dua jam kadang nak bagi balik puas hati, rasa seronok. Kita tak mau (klien) balik dalam keadaan kecewa, 'pi kebajikan pun buat apa,' kata dia. (R8)*

Apabila responden menggunakan kaedah sebegini, mereka boleh menggunakan masa kerja dengan lebih baik. Tindakan ini merangkumi membantu rakan sekerja menyelesaikan tugas atau menyiapkan tugas yang diperlukan pada waktu malam. Sering kali mereka perlu sedikit sebanyak mengabaikan proses atau prosedur tertentu untuk menyelesaikan tugas tersebut. Strategi dan kaedah yang dinyatakan oleh responden ini boleh diterjemahkan sebagai menggunakan budi bicara yang menjelaskan apa yang perlu dilakukan untuk melaksanakan tugas bagi kebaikan klien.

### **Kepelbagaian Kes dan Bebanan Kerja**

Tema kedua yang sering dibangkitkan oleh responden tentang mengapa mereka menggunakan budi bicara ialah kepelbagaian kes dan bebanan kerja. Ia merujuk kepada pekerja yang merasakan mereka mempunyai pelbagai tanggungjawab, merangkumi ruang lingkup perkhidmatan yang luas yang menuntut mereka mencari dan menggunakan pelbagai kaedah bagi melaksanakan tugas dengan sempurna. Ini merangkumi bebanan kerja yang berlebihan dan sekiranya mereka gagal melaksanakan tugas tersebut sebaik mungkin, keadaan akan menjadi semakin teruk. Bagi mengurangkan beban kerja ini, pekerja menggunakan kaedah yang lebih mudah bagi menyelesaikan tugas secepat mungkin. Pernyataan berikut menjelaskan situasi ini.

*Bagi memudahkan kerja kita la....kalau kita ikut setiap kes masalah berbeza kan? Jadi saya rasa kalau SOP tu longgarkan sikit saya rasa lebih mudah la untuk kita buat keputusan (R9)*

*Walaupun kita nampak kesalahan budak tu memang penjara kebanyakan... mencuri motor kadang-kadang saya tengok memang kena penjara 6 bulan tapi budi bicara... kita tengok ok sebab apa dia buat. Mungkin pengaruh kawan atau pun ada kes kawan suruh bawa kawan tu ambik lepas tu hang hantar sat haa... kena kan. Kita walaupun memang seksyen tu mandatori la kalau ikut la tapi kita guna budi bicara kita tu untuk nak elakkan ni... sebab bukan dia yang betul-betul buat kesalahan. Ikut undang-undang dia kira Seksyen 139... kalau curi motor ada tiga (jenis kesalahan), satu dia mencuri, satu dia simpan, satu dia bukak dia apa... leraikan... jadi tiga (kesalahan) tu memang kalau dewasa penjara la. (R10)*

### **Demi Kepentingan Terbaik Klien**

Analisis mendapati pekerja sering kali menyedari tujuan asas mereka bekerja iaitu untuk membantu ahli masyarakat dan tanggungjawab yang muncul dari tujuan tersebut. Pekerja setiap hari berurusan dengan remaja yang berhadapan dengan pelbagai masalah seperti pengabaian dan penderaan yang menjadikan mereka lebih sedar tentang tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Ini mendorong mereka untuk melakukan tugas sebaik mungkin demi membantu remaja tersebut. Walaupun mereka percaya peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh organisasi membolehkan mereka melaksanakan kerja dengan mudah tanpa sebarang kesalahan, tetapi dalam keadaan tertentu, kebajikan dan kesejahteraan klien merupakan matlamat utama pekerja. Keadaan ini menjelaskan mengapa mereka tidak menjadi terlalu rigid dalam mematuhi semua peraturan supaya klien dapat dibantu dengan cepat dan sebaik mungkin. Ini dinyatakan dengan terperinci oleh responden seperti berikut:

*Kalau melibatkan kes-kes penderaan contohnya seksual, fizikal, yang betul-betul clear memang kita ikut SOP lah dengan akta kan. Maksudnya memang kena ikutlah. Tapi jika datang dengan kes-kes emosi, cabul ka, memang kalau doktor dah check tak dak, tapi ibu bapa kata ada, tu lebih kepada banyak pihaklah kita minta sebelum nak buat keputusan tu maksudnya lebih kepada budi bicaralah masa tu. Maksudnya...nak tempatkan dia dengan sapa? Maksudnya kena fikirilah... kena lebih sikit berfikir tu. Maksud saya kalau boleh kita tak nak tempatkan di institusi kitalah. Kalau boleh remaja ni kita...konsep kita penempatan berasaskan keluarga. So kalau ibu bapa kandung dia tak boleh jaga mungkin keluarga luas dia boleh. Kalau tak, nenek ka ataupun kita bagi kat orang layak sesuailah. (R11)*

Budi bicara juga boleh digunakan apabila pekerja mendapati ada sesuatu yang tidak kena, curiga, tidak lengkap atau diragui apabila menguruskan kes remaja. Ibu bapa atau penjaga yang tidak bertanggungjawab boleh mengambil kesempatan terhadap khidmat yang ditawarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat sekiranya mereka tidak lagi mampu mengawal anak-anak. Situasi sebegini menghendaki

pekerja membuat penilaian mengikut budi bicara mereka bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan remaja tidak dibelakangkan. Kenyataan di bawah menjelaskan bagaimana responden menangani kekangan yang dihadapi.

*... peraturan ni konsep manusia, konsep orang luar, maksud public, depa nak letak rumah kanak-kanak. Tapi kita punya konsep pula dan ibu pejabat kita pula kalau boleh nak kurangkan dah la kemasukan ke rumah kanak-kanak. Kita nak prinsip berasaskan keluarga. Jadi budi bicara tu bagi saya masa kita berunding dengan keluargalah sebelum kita ambil tindakan seterusnya... (R4)*

### **Occupational Wisdom**

Pepatah yang menyatakan *experience is the mother of wisdom* menggambarkan apa yang dirasakan oleh pekerja tentang kerja mereka. Tema ini memberi gambaran bagaimana pekerja mengiktiraf kepentingan pengalaman dalam melaksanakan tugas ketika berurusan dengan kes melibatkan remaja. Pengalaman kerja berupaya membantu mereka menjalankan tugas dengan lebih mudah dan pembuatan keputusan tentang kebajikan klien juga boleh dibuat dengan lebih baik dan cepat. Sebagai contoh, responden berikut menyatakan:

*Saya tengok kes jugak la eh... ada kes emmm macam kes jenayah kalau kes rogol perempuan datang rumah... yang kena charge lelaki... datang rumah lelaki kan. Saya...hasil siasatan saya tengok budak ni bukan bermasalah. Yang lelaki jenis yang bukan suka keluar rumah apa hu..ha..hu..ha dengan orang. Jadi atas budi bicara saya tak letak... syor saya takkan letak Henry Gurney la... walaupun kes tu kes rogol memang berat sebenarnya... (R9)*

Responden mengakui pengalaman pekerja-pekerja lain turut dijadikan sebagai panduan bagaimana mereka boleh menyelesaikan kes yang dihadapi. Responden menyatakan walaupun pekerjaan mereka adalah sesuatu yang sangat memuaskan hati dan mencabar, namun kepada pekerja yang kurang berpengalaman, cabaran yang wujud boleh menimbulkan masalah dan boleh menjadi bebanan kepada mereka. Kes yang rumit dan sensitif sering menuntut pekerja menggunakan masa yang lebih panjang untuk menyelesaikan kes. Dalam keadaan tersebut, pekerja yang lebih berpengalaman atau penyelia boleh membantu mengurangkan beban rakan sekerja. Tindakan ini juga merujuk kepada penggunaan budi bicara, tetapi dalam bentuk sanction kerana keputusan datang dari penyelia atau pekerja yang lebih berpengalaman. Ini secara langsung tidak menghendaki pekerja tersebut mencari kaedah sendiri bagi menyelesaikan kes. Kepentingan pengalaman kerja dinyatakan oleh responden seperti berikut:

*...macam kes-kes akhlak ni takdak pun kursus yang khusus untuk pegawai-pegawai akhlak ni. Tu saya rasa macam kita buat kerja macam tengok ikut tengok kawan-kawan hat lama...kursus kurang. Macam orang baru-baru (kerja) kadang tak tau pun cara nak buat kerja. Ada yang silap buat keputusan, kita hantar (kanak-kanak) ke Henry Gurney ka apa semua. Kadang kita tak tau. Setengah depa kata kalau*

*dia buat kesalahan berat, mesti hantar Henry Gurney. Kita tak semestinya buat macam tu....ada kaedah yang yang boleh kita guna. Tengok keadaam...ini semua... pengalaman kerja.(R4)*

Dapatan kajian menunjukkan semua informan menyatakan mereka menggunakan budi bicara dalam melaksanakan tugas. Pada pandangan responden, tindakan ini mempercepatkan proses penyaluran khidmat dan mampu memberikan perkhidmatan yang lebih sesuai selaras dengan situasi kes yang berbeza. Selain daripada itu, responden menyatakan mereka membuat keputusan tentang sesuatu kes berdasarkan pengalaman yang dimiliki dan pandangan rakan-rakan yang lebih berpengalaman. Ini kerana peraturan yang ada tidak memperincikan tindakan yang perlu dilakukan dalam kes-kes tertentu. Walau bagaimanapun, semua mereka menyatakan peruntukan yang ditetapkan dalam peraturan, prosedur dan polisi masih lagi menjadi panduan utama dalam melaksanakan tugas.

## PERBINCANGAN

Dapatan ini adalah selaras dengan kajian-kajian terdahulu oleh Marvel dan Resh (2015), Vinzant dan Crothers (1998) dan Scott (1997) yang mengakui budi bicara membolehkan SLB memberikan khidmat yang lebih baik kepada klien. Mereka mengiktiraf kesan positif penggunaan budi bicara yang boleh mempercepatkan proses penyaluran khidmat. SLB memerlukan budi bicara untuk bertindak balas dengan sebaik-baiknya kepada dimensi kemanusiaan dalam sesuatu situasi terutama semasa membuat penilaian tentang klien. Fasa penilaian inilah yang akan menentukan sama ada klien itu layak mendapat perkhidmatan atau tidak, dan apakah bentuk perkhidmatan yang akan diberikan.

Analisis mendapati isu utama yang diketengahkan oleh pekerja seperti kekgangan masa, kepelbagaian dan beban tugas dan menjaga hak dan demi kepentingan remaja merupakan elemen yang diutamakan oleh pekerja. Isu ini digambarkan sebagai berkait secara langsung dengan rutin harian yang boleh memberi kesan dan boleh mengganggu proses penyaluran khidmat. Penelitian kepada temubual dengan responden menunjukkan mereka menggunakan pelbagai kaedah merangkumi budi bicara berdasarkan pandangan atau pengalaman sendiri atau dalam kes pekerja baru, berdasarkan khidmat nasihat atau bimbingan dari penyelia atau pekerja lebih berpengalaman. Ini merupakan satu keperluan atau sekurang-kurangnya diterima sebagai satu kaedah bagi memudahkan penyaluran khidmat. Berdasarkan kepada pengalaman kerja yang dimiliki, budi bicara juga digunakan oleh pekerja apabila mereka berhadapan dengan kes yang agak kabur atau rumit. Ini kerana peruntukan polisi kadang-kadang bersifat ambiguous yang menuntut pekerja SLB untuk mentafsirkan sendiri peruntukan tersebut. Situasi yang telah dibincangkan ini menjelaskan mengapa dan bagaimana mereka menggunakan budi bicara dalam melaksanakan tugas. Perlu ditegaskan bahawa sepanjang tempoh temubual yang dijalankan, pekerja sedar tentang had yang membolehkan mereka menggunakan budi bicara. Oleh itu, Akta Kanak-kanak 2001 (Pindaan 2017) dan



SOP sentiasa dijadikan sebagai rujukan utama mereka dalam menyalurkan khidmat. Penggunaan budi bicara dilihat oleh responden sebagai satu kaedah yang mampu mempercepatkan proses penyaluran khidmat bagi bagi menjaga kepentingan serta kesejahteraan remaja.

Namun, budi bicara perlu digunakan dengan berhati-hati. Ini kerana budi bicara boleh terarah bukan sahaja ke arah kebaikan sahaja kerana ia bergantung sepenuhnya kepada individu yang menggunakannya. Kadang kala budi bicara disalah guna sehingga boleh memberikan kesan lebih negatif. Sikap SLB sendiri sebagai penyalur perkhidmatan memainkan peranan penting untuk meletakkan budi bicara pada tempat sepatutnya. Ini selaras dengan pandangan Gambrill (2010) bahawa budi bicara boleh memberikan kesan baik kepada klien hanya sekiranya penyalur perkhidmatan bermotivasi untuk membantu klien dan mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya. Beliau turut memperincikan ciri-ciri yang perlu dimiliki bagi memastikan keberkesanan penggunaan budi bicara seperti nilai SLB yang perlu selaras dengan kehendak dan matlamat organisasi, pengetahuan dan skil yang dimiliki, dan sokongan dari pihak pentadbiran.

Dalam hal ini, penyelia perlu sentiasa menyelia dan mengawasi tindakan SLB supaya khidmat yang sepatutnya diberikan tidak terjejas dan tidak berlaku salah laku dalam penggunaan budi bicara. Penyeliaan telah diiktiraf sebagai elemen penting dalam profesion yang menyalurkan khidmat kepada masyarakat (Kadushin, 1992; Hawkins dan Shohet, 2012; Kadushin & Harkness, 2014). Penyeliaan merujuk kepada proses di mana penyelia dan pekerja berinteraksi di antara satu sama lain dalam situasi pembelajaran berstruktur yang membolehkan pekerja dibantu untuk membangunkan kapasiti dan skil professional mereka. Ini dilakukan melalui eksplorasi sistematik tentang pengetahuan baru, skil, sikap dan cara yang betul dalam menyalurkan khidmat. Penyeliaan yang baik dan berkesan mampu memberikan panduan kepada pekerja untuk menentukan apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan semasa menyalurkan khidmat kepada masyarakat. Aspek ini amat penting untuk dijadikan sebagai panduan kepada pekerja terutama apabila mereka berhadapan dengan situasi kes yang memerlukan penggunaan budi bicara.

## **KESIMPULAN**

Artikel ini membincangkan tentang penggunaan budi bicara oleh SLB dalam menyalurkan khidmat bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan remaja. Empat tema utama boleh diketengahkan hasil temubual dengan responden dari kalangan Pegawai Pelindung, Pegawai Akhlak dan persoalan tentang persoalan mengapa dan bagaimana budi bicara digunakan dalam menyalurkan khidmat kepada remaja. Tema tersebut termasuklah kekangan masa, kepelbagaian dan bebanan kerja, demi kepentingan klien, dan occupational wisdom. Bergantung kepada situasi spesifik yang dialami oleh pekerja terbabit, kewujudan isu-isu ini dalam konteks yang berbeza boleh memberi implikasi kepada keupayaan pekerja melaksanakan tugas dengan berkesan. Dalam hal ini, penggunaan budi bicara menjadi satu bentuk

strategi mandiri bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan remaja diutamakan berbanding dengan mengikut peruntukan polisi sepenuhnya. Namun, penggunaan budi bicara ini perlu dikawal oleh organisasi bagi memastikan tidak disalah gunakan oleh SLB bagi kepentingan sendiri sehingga boleh menjejaskan khidmat kepada klien.

## PENGHARGAAN

Para penyelidik ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana membiayai penyelidikan ini di bawah Fundamantel Research Grant Scheme (FRGS). Penghargaan juga ditujukan kepada Universiti Utara Malaysia yang telah menyelaraskan aktiviti penyelidikan yang dijalankan dan kerjasama yang telah diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.

## RUJUKAN

- Evan, T. (2009). *Managers, professional and discretion in street-level bureaucracies*. In Political Studies Associations 2009 Conference, Panel (April, Vol. 22).
- Dworkin, R. (1997). *Taking rights seriously*. Cambridge: Harvard University Press.
- Gambrill, E. (2010). Evidence-based practice and the ethics of discretion. *Journal of Social Work*, 11(1), 26-48.
- Hawkins, P. & Shohet, R. (2012). *Supervision in the helping professions* (4th ed.). Milton Keynes, UK: Open University Press.
- Kadushin, A. (1992). *Supervision in social work*. New York: Columbia University Press.
- Kadushin, A. & Harkness, D. (2014). *Supervision in social work* (5th ed.). New York: Columbia University Press.
- Lipsky, M. (1980). *Street-level bureaucracy: Dilemmas of the individual in public services*. New York: Russell Sage Foundation.
- Lipsky, M. (2010). *Street-level bureaucracy: Dilemmas of the individual in public services*. 30th anniversary expanded edition. New York: Russell Sage Foundation.
- Marvel, J. & Resh, W. (2015). *Bureaucratic discretion, client demographics, and representative bureaucracy*. *The American Review of Public Administration*, 45(3), 1-30.
- Mutereko, S. (2009). *Policy implementation and street policy implementation and*

- street-level bureaucrats' discretion, autonomy and coping mechanisms: A case study of National Curriculum Statements at a school in Pietmaritzburg.* Master thesis. University of KwaZulu-Natal, South Africa.
- Scott, P.G. (1997). Assessing determinants of bureaucratic discretion: An experiment in street-level decision making. *Journal of Public Administration Research and Theory*, 7(1), 33-57.
- Shah, T. (2010). *The experience of new workers in the field of child welfare.* MASW thesis. Wilfrid Laurier University, Canada.
- Sibada, S. (2013). *Challenges faced by social workers working in child protection services in implementing the Children's Act 38 of 2005.* MSW thesis. University of Pretoria, South Africa.
- Taylor, I. & Kelly, J. (2006). Professionals, discretion and public sector reform in the UK: Re-visiting Lipsky. *International Journal of Public Sector Management*, 19(7), 629-642.
- Tummers, L.G. & Bekkers, V. (2014). *Policy implementation, street-level bureaucracy and the important of discretion.* Public Management Review, 16(4), 527-547.
- Vinzant, J.C. & Crothers, L. (1998). *Street-level leadership: Discretion and legitimacy in front-line public service.* Washington, DC: Georgetown University Press.

**Profil Penulis:**

**Noor Azizah Ahmad, PhD**

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,  
Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia.  
noor1149@uum.edu.my

**Ahmad Shukri Abdul Hamid, PhD**

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,  
Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia.  
shukri@uum.edu.my

**Norruzeyati Che Mohd Nasir, PhD**

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,  
Kolej Sastera dan Sains,

*Universiti Utara Malaysia.  
zeyati@uum.edu.my*

***Mariny Abdul Ghani***

*Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial,  
Kolej Sastera dan Sains,  
Universiti Utara Malaysia.  
mariny@uum.edu.my*

## PANDUAN KEPADA PENYUMBANG

*Malaysian Journal of Youth Studies* ialah sebuah jurnal berwasit yang komited kepada perkembangan ilmu pengajian belia. Jurnal ini menerbitkan artikel yang pastinya boleh menjadi input berguna kepada para pembuat keputusan, sarjana serta individu perseorangan dalam aspek pembangunan belia. Jurnal ini diterbitkan oleh IYRES secara berkala dua (2) kali setahun.

## PROSEDUR PENYERAHAN MANUSKRIP

*Malaysian Journal of Youth Studies* menerbitkan manuskrip yang ditulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Manuskrip yang diserahkan untuk diterbitkan dalam jurnal ini hendaklah merupakan karya asli yang belum pernah diterbitkan atau tidak dihantar untuk pertimbangan oleh mana-mana penerbitan lain. Manuskrip, hendaklah diserahkan kepada Urusetia, *Malaysian Journal of Youth Studies* (MJYS), Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Biodata ringkas penulis juga perlu disertakan bersama.

Para penulis yang manuskripnya telah diterima untuk penerbitan dikehendaki menghantar sesalinan manuskrip akhir yang telah disunting dalam bentuk soft copy. Satu nota ringkas biografi penulis perlu disertakan bersama-sama dengan manuskrip. Semasa manuskrip masih dalam pertimbangan Lembaga Editorial, para penulis bertanggungjawab menghubungi editor untuk memaklumkan tentang sebarang perubahan alamat.

## FORMAT DAN GAYA

Tajuk sesuatu manuskrip perlulah ringkas, deskriptif dan seharusnya tidak melebihi 15 perkataan. Setiap manuskrip harus mempunyai abstrak (150 hingga 250 patah perkataan) dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris yang berkisarkan isi-isi utamanya termasuk kata kunci sekurang-kurangnya lima (5) perkataan, tujuan, objektif, metodologi, dapatan dan rumusan. Penulisan artikel di antara 15 hingga 20 muka surat sahaja.

Semua ilustrasi termasuk rajah, carta dan graf, mesti dilabel dan disediakan dalam halaman bersama dengan teks. Kedudukan ilustrasi seperti yang dikehendaki dalam teks hendaklah ditanda dengan jelas.

Rujukan dalam teks hendaklah menggunakan sistem nama penulis dan diikuti oleh tahun penerbitan. Satu senarai rujukan yang disusun mengikut abjad hendaklah dimasukkan di bahagian akhir sesebuah manuskrip. Kesemua rujukan yang dipetik dalam teks haruslah muncul dalam kesempurnaan maklumat dan senarai rujukan. Semua manuskrip mesti mengikut garis panduan rujukan A.P.A (*The American Psychological Association*).

## HAK CIPTA

Para penulis bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan manuskrip mereka tidak melanggar mana-mana hak cipta sedia ada. Penulis bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada para editor dan penerbit ke atas sebarang pelanggaran terhadap hak cipta. Para penulis seharusnya mendapatkan keizinan untuk menerbitkan semula atau mengubahsuai bahan-bahan yang mempunyai hak cipta dan menunjukkan bukti keizinan tersebut semasa menyerahkan naskhah akhir manuskrip.

## PROSES PEWASITAN

Sesebuah manuskrip akan dinilai oleh Lembaga Editorial dan diwasitkan. Keputusan tentang penerbitan sesebuah manuskrip berdasarkan kepada saranan ahli-ahli Lembaga Editorial. Sesebuah manuskrip akan dinilai *berasaskan kesesuaiannya dengan* Malaysian Journal of Youth Studies sumbangan kepada disiplin ilmu, kejituan analisis, keluasan konseptual, persembahan yang jelas dan kesempurnaan teknikal. Bagi memastikan sesebuah manuskrip dinilai semata-mata berdasarkan meritnya, identiti penulis semasa proses perwasitan tidak didedahkan kepada wasit. Manuskrip yang diserahkan oleh mana-mana anggota Lembaga Editorial juga tertakluk kepada prosedur perwasitan yang sama.

## GUIDE TO CONTRIBUTORS

Malaysian Journal of Youth Studies is a refereed journal committed to youth developmental studies. The articles published in this journal is beneficial to decision makers, scholars or individuals related to youth development. This journal is published by IYRES twice a year.

## MANUSCRIPT SUBMISSION PROCESS

Malaysian Journal of Youth Studies is published in both Malay and English languages. The manuscript submitted for publication must be authentic and has never been published in any journal or never been sent to any other publication. The manuscript must be single spacing and typed in an A4 paper, to be submitted to the Secretariat, Malaysian Journal of Youth Studies (MJYS), Institute for Youth Research Malaysia. The biodata of the author is to be appended.

The authors whose manuscript have been accepted for publication are required to submit a duly edited soft copy version together with a biography of the authors. In the course of the Editorial Board consideration, the authors are responsible to inform of any changes in address.

## FORMAT AND STYLE

The title of the manuscript must be concise, descriptive and should not be more than 15 words. Each manuscript must contain an abstract (150-250 words) in Malay and English languages describing its main points including five (5) key words, the aim, objectives, methodology, findings and conclusions. The article should only be between 15-20 pages.

All illustration including diagrams, charts and graphs are to be labelled and placed in the same page as the texts. The placement of the illustration must be labelled clearly.

References in the text should be indicated by giving the names(s) of the author(s) followed by the year of publications. A list of references in alphabetical order should be appended at the end of the manuscript. All cited information must be accurate and listed in the reference. The manuscripts must adhere to the guidelines format in A.P.A (American Psychological Association).

### **COPYRIGHT**

The authors are fully responsible to ensure their manuscripts do not infringe any copyrights, should such infringement occur; the authors shall be made accountable to indemnify the editor and publisher. The authors are expected to obtain consent for any reproduction or modification of any copyrighted materials and to exhibit the consent during the final submission.

### **REVIEW PROCESS**

Manuscripts will be reviewed by the Editorial Board. The decision for publication will be based on the recommendation by the Editorial Board. The manuscripts will be evaluated based on its suitability to Malaysian Journal of Youth Studies, *Contribution* to knowledge, accuracy of analysis, conceptual breath, clarity of presentation and technical strength. In order to ensure the manuscripts are evaluated based on merits, the identities of the authors are not disclosed during the review process. Manuscripts submitted by the Editorial Board are subjected to the same procedure.

*Malaysian Journal of Youth Studies* Malaysia diterbitkan dua kali setahun oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES), Kementerian Belia dan Sukan Malaysia. Segala pandangan yang tersiar dalam *Malaysian Journal of Youth Studies*, kecuali dinyatakan sebaliknya, adalah pandangan masing-masing penulis, dan tidak semestinya mencerminkan pandangan Sidang Editor. Semua surat-menyurat mengenai makalah dan sehubungan dengannya hendaklah dialamatkan kepada:

*Malaysian Journal of Youth Studies is published biannually by the Institute for Youth Research Malaysia, Ministry of Youth and Sports Malaysia. All views expressed in Malaysian Journal of Youth Studies, unless otherwise stated, are those of the contributors, and do not necessarily reflect the views of the Editorial Board. All correspondence pertaining to articles and related matters should be addressed to:*

***Executive Editor/ Editor Kerja***

*Malaysian Journal of Youth Studies*

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES)

Aras 10, Menara KBS

No. 27 Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62570 Putrajaya, Malaysia

Tel: 03-8871 3705/3790

Faks: 03-8871 3342

Email: [malaysianyouth@iyres.gov.my](mailto:malaysianyouth@iyres.gov.my)

<http://www.iyres.gov.my>



*Published by/diterbitkan oleh*

**INSTITUT PENYELIDIKAN PEMBANGUNAN BELIA MALAYSIA (IYRES)**

Aras 10, Menara KBS  
No. 27, Persiaran Perdana, Presint 4  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62570 Putrajaya, Malaysia

**Tel: 03-8871 3705/3790**

**Faks: 03-8871 3342**

**Website: <http://www.iyres.gov.my>**

